

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan ini mengandungi enam soalan. Calon diminta memilih dan menjawab hanya **SATU** soalan sahaja dalam masa satu jam setengah (90 minit). Calon dimestikan mematuhi arahan soalan dengan menulis sebuah karangan mengikut kehendak soalan sama ada berformat atau tidak dan panjangnya mestilah melebihi 350 patah perkataan.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon secara keseluruhannya pada tahap sederhana dan memuaskan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa calon yang menguasai kemahiran berbahasa dan disokong pula oleh isi yang mantap serta pengolahan yang menarik dan berkesan, sangat kurang dan bilangannya tidak memuaskan. Calon yang mencapai markah pada tahap cemerlang masih kurang. Banyak calon berada pada tahap markah sederhana dan baik (69%-35%). Majoriti calon mendapat markah yang sederhana disebabkan penguasaan kosa kata yang kurang meluas, isi yang dikemukakan kurang matang dan tidak disertakan dengan contoh-contoh yang relevan disusuli dengan pengolahannya yang kurang menarik dan berkesan. Pemerenggan masih memuaskan.

Walaupun bilangannya kurang, calon yang mencapai peringkat markah cemerlang berjaya mengemukakan isi-isi jawapan yang bernas dan matang dengan bahasa yang gramatis dan pengolahan yang menarik sehingga melayakkan mereka mendapat markah 75% atau lebih.

Selain itu, calon yang lemah dan di bawah tahap minimum juga masih kedapatan. Kumpulan calon ini lemah penguasaan bahasanya sehingga sukar mencari ayat-ayat yang betul. Ada juga yang menulis mengikut struktur bahasa lisan, pertuturan daerah, bahasa ibunda, malah ada yang hanya menyalin semua soalan. Isi yang dikemukakan kurang jelas dan kabur. Banyak juga calon yang tidak berupaya menulis sehingga 350 patah perkataan.

Fenomena ini wujud kerana calon gagal menunjukkan kemahiran berbahasa yang baik dan tidak matang dalam menyampaikan idea. Mereka tidak dapat menyertakan contoh-contoh yang tepat dan huraian tidak berkesan. Terdapat juga cubaan menggunakan frasa kata atau cogan kata tertentu dan peribahasa di dalam menghuraikan isi tetapi penggunaannya tidak sesuai dan tidak dapat menggambarkan atau menyampaikan maksud yang hendak dinyatakan dengan jelas. Ada juga calon yang menjawab soalan 5 tidak memahami maksud peribahasa, "Di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung". Oleh itu isi yang dikemukakan tidak tepat dan terpesong. Ada juga calon yang menulis karangan yang lain daripada kehendak soalan, akibatnya mereka hanya layak mendapat markah bahasa dan pengolahan sahaja dan biasanya calon yang berbuat demikian adalah calon yang sangat lemah penguasaan bahasanya.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Cemerlang

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini sangat baik. Calon memahami arahan dan kehendak soalan dengan tepat. Calon dapat membuat analisis terhadap keperluan tugas soalan. Takrif terhadap tajuk tepat dan berada pada tahap sama ada baik atau cemerlang. Isi yang dikemukakan melebihi tiga isi utama dan dihuraikan mengikut prinsip

pengembangan isi. Contoh yang dikemukakan amat sesuai. Kupasan isi dibuat dengan baik dan dikaitkan dengan isu-isu semasa. Misalnya calon yang menjawab soalan 1, mengemukakan aktiviti memancing udang galah di Sungai Penarek, Terengganu, mengaitkan aktiviti memancing dengan GP Joran dan sebagainya. Bagi calon yang menjawab soalan 2 pula berjaya mengemukakan wabak penyakit SARS, virus Nipah dan dapat mengemukakan dengan jelas punca penyakit ini dikesan dan bagaimana penyakit ini berjangkit di samping memberikan langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kesihatan. Begitu juga bagi calon yang menjawab soalan 4, dapat menulis peranan ANGKASA sebagai peneraju koperasi negara ini di samping dapat menonjolkan pelbagai faedah kepada pelajar yang menyertai koperasi sekolah. Hal ini memperlihatkan kematangan calon. Dari sudut bahasa pula, calon menguasai kemahiran berbahasa dengan baik sekali, lancar, gramatis dan menggunakan diksi yang sesuai mengikut laras karangan yang dipilih. Kosa katanya luas dan tepat penggunaannya dan terdapat keragaman dalam struktur ayat. Meskipun terdapat kesalahan tatabahasa tetapi masih ringan dan tidak mencacatkan pengolahan. Organisasi karangan pula kemas, disusun dalam perenggan yang teratur urutannya. Isi dan pengolahannya sangat menarik dan seimbang.

Calon Dalam Kumpulan Baik

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini masih memuaskan. Calon memberikan takrif yang menepati kehendak soalan, isi yang dikemukakan juga mencukupi dan huraian masih baik serta masih berkembang tetapi sederhana. Contoh-contoh yang diberikan tepat / masih tepat, jelas dan relevan dengan tajuk yang dibicarakan. Ada juga karangan yang tidak disertakan dengan contoh yang sesuai. Sebahagian calon fikirannya matang dan ada juga yang boleh diperingkatkan masih matang sahaja. Penguasaan bahasa masih memuaskan dan lancar. Walaupun terdapat kesalahan-kesalahan ringan tetapi masih terdapat kepelbagaian jenis ayat, kosa kata masih luas dan tepat penggunaannya dan tanda baca masih tepat dan betul. Perenggan karangan distruktur dengan baik dan masih ada kesinambungan idea dalam setiap perenggan. Penyampaian isi dan pengolahan masih baik dan berkesan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini kurang memuaskan iaitu pada peringkat sederhana sahaja. Pemahaman calon terhadap kehendak soalan keseluruhannya masih baik / memuaskan. Takrif dan isi masih betul. Walau bagaimanapun, ada juga calon yang takrifnya kurang memuaskan dan memberikan isi yang kurang mantap. Malah ada juga yang isinya bercampur aduk, tidak cocok dan isi kurang. Calon juga tidak berupaya memperkembang isi dengan baik. Huraian isi kurang mantap dan ada kalanya kurang jelas maksudnya. Contoh-contoh tidak disertakan atau contoh yang disertakan kurang tepat. Misalnya bagi soalan 3, penyakit berjangkit yang dikemukakan oleh calon ialah penyakit jantung, darah tinggi, demam dan barah. Fikiran calon kurang matang. Bahasa pula boleh dikategorikan kepada kurang memuaskan atau tidak memuaskan. Ayat kurang kepelbagaian tetapi masih boleh difahami. Ada juga calon yang cenderung menggunakan istilah atau kata-kata yang 'bombastik' tetapi tidak tepat maksudnya dan tidak sesuai penggunaannya. Terdapat juga kecenderungan menggunakan ayat yang panjang dan berbelit-belit untuk menghuraikan sesuatu isi. Struktur perenggan masih baik tetapi pengolahannya ada yang masih menarik dan ada yang kurang menarik.

Calon Dalam Kumpulan Lemah

Calon gagal memahami kehendak soalan. Takrif yang dikemukakan kurang tepat, kurang jelas, dan ada yang tidak difahami. Isi tidak jelas, kabur dan tidak berkaitan. Huraian isi kurang berkembang, tidak berkembang atau lemah, contoh kurang tepat, tidak tepat atau tiada contoh langsung. Bahasa tidak memuaskan dan tidak lancar malah kadangkala amat lemah, sehingga sukar untuk difahami isi yang hendak disampaikan. Ada juga calon yang menulis dalam laras pertuturan harian, daerah atau bahasa ibunda masing-masing. Calon dalam kategori ini banyak melakukan kesalahan ejaan dan kesalahan format yang menyebabkan banyak pemotongan markah.

Terdapat calon dalam kumpulan ini mengarang di bawah had minimum yang dikehendaki, kurang daripada 350 patah perkataan dan ada juga calon yang terpesong isi walaupun penguasaan bahasanya agak baik. Terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan berulang-ulang dan mengubahsuai item soalan untuk membuat perenggan. Pengolahan tidak memuaskan dan pemerenggan lemah dan tidak seimbang malah terdapat calon yang menulis dalam satu perenggan sahaja bagi keseluruhan karangan. Hal yang paling menyedihkan terdapat calon yang hanya menulis maklumat diri dan nombor soalan tanpa sebarang jawapan. Pengawas peperiksaan mencatatkan "Calon Hadir Tetapi Tidak Menjawab".

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Hobi memancing semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia sekarang. Tuliskan pendapat anda tentang hobi tersebut.

(a) Kekuatan

1.1 Takrif

Calon memahami maksud hobi iaitu aktiviti yang diminati dan dilakukan oleh setiap orang pada waktu lapang dan berjaya memberikan gambaran akan kebenaran pandangan hobi memancing semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia sekarang. Calon berupaya mengemukakan pandangannya tentang hobi memancing semakin popular di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum, usia, darjat, bidang kerjaya dan jantina dengan bukti-bukti yang munasabah. Calon yang tidak setuju hobi ini semakin popular turut juga mengemukakan alasan masing-masing. Calon menyenaraikan jenis-jenis ikan yang selalu dipancing dan lokasi aktiviti sama ada yang semula jadi ataupun buatan manusia. Calon juga memberikan kebaikan dan keburukan aktiviti memancing ini.

1.2 Isi

Calon yang matang mengemukakan lebih daripada tiga isi utama. Isi-isi yang diberikan amat mantap dan disokong dengan contoh-contoh yang relevan. Huraian isi dikembang sebagaimana konsep pengembangan isi sebenar. Bagi membuktikan bahawa hobi memancing semakin diminati oleh masyarakat, calon mengemukakan hujah seperti banyaknya penganjuran pertandingan memancing oleh badan-badan kerajaan atau swasta, hadiah-hadiah yang ditawarkan amat lumayan dan mendapat penajaan daripada pelbagai pihak, kewujudan kolam memancing buatan manusia yang berkembang seperti cendawan

tumbuh selepas hujan, perkembangan perniagaan alatan memancing, penerbitan akhbar sisipan seperti “Joran”, majalah, wujudnya laman-laman web mengenai memancing dan sebagainya. Contohnya,

“Melalui laman web ‘Fishing News’, pemancing dapat mengetahui berita, teknik memancing dan alatan memancing secara lebih tepat. Selain itu, penggunaan khidmat membeli secara maya dapat dilakukan melalui ‘Quantum Showcase’ yang menyediakan pelbagai jenis alat memancing moden seperti ‘Power Fishing Rod’.”

Bagi calon yang tidak bersetuju pula, menafikan perkara-perkara tersebut sebaliknya mengemukakan keburukan hobi memancing itu.

Calon juga mengemukakan kebaikan dan keburukan hobi memancing ini. Di antara kebaikannya yang nyata ialah dapat memupuk sifat sabar dalam diri seseorang kerana terpaksa menanti ikan meragut umpan dan melayan karenah ikan, dapat menenangkan fikiran, menikmati dan menghargai alam sekitar, berupaya mengembangkan pelancongan domestik, mengeratkan hubungan silaturahim, mengurangkan gejala lepak, dan hobi yang ekonomik kerana kosnya rendah, hasil boleh dimakan atau dijual, sewa kolam memancing buatan juga murah di samping berpeluang memenangi hadiah jika menyertai pertandingan.

Manakala, keburukan hobi ini pula ialah berlakunya pembaziran masa sedangkan hasilnya tidak menentu malah kadangkala tidak setimpal dengan tenaga dan wang ringgit yang telah dihabiskan di samping menggalakkan pembaziran dengan membeli joran dan alatan memancing yang berjenama. Hobi ini amat meleakakan menyebabkan ketagihan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga, tidak menghiraukan waktu solat dan lain-lain lagi. Berlaku juga pencemaran alam akibat sikap tidak bertanggungjawab kaki pancing yang membuang sampah merata-rata.

Terdapat calon yang dapat memperincikan gambaran tentang kategori memancing (air tawar, air payau, air masin), destinasi / lokasi memancing seperti sungai, laut, tasik, kolam buatan atau kolam berbayar dan kaedah memancing menggunakan joran, buluh dengan meredah hutan, belukar, menaiki sampan atau bot dan sebagainya. Istilah “kaki pancing” digunakan untuk menggambarkan “kegilaan” kaki pancing ini terhadap hobi memancing ini sehingga sanggup mengeluarkan belanja yang banyak dan ke mana sahaja untuk tujuan memancing tanpa mengira masa, siang atau malam malah ada yang lupakan tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya mereka.

Kesimpulannya calon berjaya, mengemukakan isi-isi yang mantap dan disokong oleh bukti dan hujah yang kukuh sekaligus memperlihatkan pemikiran calon yang matang

1.3 Bahasa

Calon berjaya mempersembahkan karangannya dengan menggunakannya bahasa yang lancar, struktur ayat gramatis di samping penggunaan kosa kata yang sesuai dengan tajuk. Calon dapat menggunakan pelbagai ayat merangkumi ayat tunggal, ayat majmuk termasuk pancangan, komplemen dan relatif. Calon juga tidak mengabaikan penggunaan ayat-ayat aktif dan pasif.

1. 3. 1. Contoh ayat gramatis dan pelbagai ragam.

- *Apabila kita menyebut perkataan memancing, sesuatu tergambar di fikiran kita ialah sejenis pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang yang dikenali sebagai nelayan. Memancing merupakan sumber pendapatan utama mereka. Walau bagaimanapun, kini, aktiviti memancing sudah dijadikan sebagai salah satu hobi yang semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia. Seseorang itu sudah tidak lagi mengharapkan hasil yang lumayan apabila memancing, kerana memancing bukan lagi menjadi sumber pendapatan utama mereka, sebaliknya, kepuasan, keseronokan dan ketenangan yang dialami oleh seseorang ketika melakukan hobi ini, yang menjadi keutamaan.*
- *kegiatan memancing dilihat berpotensi untuk dimajukan sebagai salah satu produk pelancongan yang baik. Konsep "homestay" agro pelancongan dan percutian marin memberikan lebih ruang untuk kepuasan diri.*
- *tawaran hadiah yang lumayan telah membangkitkan semangat kaki pancing dan sentiasa menaruh harapan untuk memenangi setiap pertandingan yang telah disertai tanpa mengenal erti putus asa.*
- *Jika tuah menyebelahi kita, maka pemancing akan mendapat hasil yang lumayan. Kalau diri tidak bernasib baik, seekor ikan pun tidak mengena.*
- *Banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh pemancing seperti air terjun, Taman Negara, tasik dan sebagainya yang menjanjikan pengalaman menarik bagi aktiviti ini. Lain padang lain belalang, lain sungai lain ikannya. Pelbagai ikan yang berlainan sepsis akan ditemui kerana lain tempat lain spesiesnya.*

1. 3. 2 Contoh kosa kata yang menarik:.

*... impak
...efektif
...wahana
...tamsil
...tuntas
...ironinya
...kelibat
...berinteraksi
...berbaloi
...keimunan*

1. 3. 3 Contoh frasa yang menarik:

- *...medan latihan yang mantap*
- *...kaya dengan populasi ikan*
- *...mengurangkan tekanan yang sentiasa bersarang dalam minda*
- *...alam siber yang menuntut umat manusia mengejar kemewahan*
- *...impak positif kepada pembinaan sahsiah diri*
- *...terpesona dengan anugerah Ilahi*
- *...deretan manusia di sepanjang pantai*
- *...masalah kebejatan sosial*
- *...rumah tangga mengalami kepincangan*
- *...menggamit minat orang ramai*

1. 3. 4 Penggunaan peribahasa juga meluas dan bersesuaian dengan konteks. Contohnya:

- *jauh perjalanan luas pemandangan*
- *mahu seribu daya, tak mahu seribu dalih*
- *hangat-hangat tahi ayam*
- *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*
- *hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah*
- *bagai aur dengan tebing*
- *sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit*
- *berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian,*
- *bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.*
- *Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni*
- *Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga*

1.4 Pengolahan

Penguasaan bahasa memberi impak kepada pengolahan dan penyampaian. Calon yang menguasai bahasa dengan baik dapat menyampaikan karangannya lebih menarik dan berkesan. Ditambah pula dengan pemerenggan yang sesuai, satu isi bagi satu perenggan mengikut keutamaan disampaikan secara deduktif mahupun induktif menjadikan karangan yang dihasilkan calon begitu menarik.

(b) Kelemahan

1.1 Takrif

Calon yang lemah tidak memahami kehendak soalan. Calon gagal memberi pendapat mereka tentang hobi memancing yang semakin popular di kalangan rakyat Malaysia. Calon banyak menceritakan peristiwa memancing yang merupakan karangan jenis laporan. Contohnya

“ Pada hari itu juga beberapa aktiviti telah diadakan oleh pihak penganjur untuk para pelancong juga disediakan seperti pesta memancing, bermain bola tampar, bola sepak pantai dan banyak lagi. ”

Calon menyatakan bahawa menjala ikan, menahan pukot, bubu dan lukah termasuk dalam aktiviti memancing ikan. Calon juga menceritakan pesta atau pertandingan memancing yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu. Terdapat calon yang keliru antara memancing sebagai hobi dengan memancing sebagai satu kerjaya kepada para nelayan. Oleh sebab itu terdapat calon yang menyatakan hobi memancing boleh ditonton menerusi televisyen atau video. Pita video tentang memancing dijual di kedai-kedai. Apabila menonton video itu seseorang boleh menceritakan kegemaran memancing kepada orang lain tanpa ragu.

Ada calon yang keliru dengan istilah “memancing”. Hal ini berkemungkinan calon tiada pengalaman memancing. Calon sedemikian mungkin berasal dari bandar dan tiada pendedahan tentang aktiviti memancing. Aktiviti memancing pada mereka hanya terhad dilakukan di sesebuah kedai yang menyediakan kemudahan kolam memancing dan peralatannya. Pemancing akan menyewa peralatan memancing dan membayar harga ikan yang mereka peroleh. Mereka langsung tidak menjelaskan bahawa aktiviti memancing ini boleh dilakukan di laut, di sungai, di tasik, di parit atau di kawasan-kawasan lain yang berair.

Terdapat juga calon yang menyatakan kepentingan hobi kepada masyarakat dengan panjang lebar dengan mengemukakan contoh seperti hobi mengumpul setem, bermain badminton dan mendengar radio. Semua hobi ini dinyatakan sama dengan hobi memancing tetapi pada keseluruhan karangan hobi memancing dinyatakan secara sepintas lalu sahaja. Ada juga calon yang memberi gambaran terlalu panjang tentang jenis-jenis joran dan umpan yang suka dimakan oleh ikan sama ada yang didapati sendiri atau dijual di kedai-kedai pancing.

1.2 Isi

Calon mengemukakan isi yang kurang mantap, tidak berkembang dan berlaku pengulangan isi. Misalnya,

“kebanyakan daripada mereka duduk di rumah sangat membosankan sebab itulah kebanyakan daripada mereka pergi memancing daripada duduk di rumah itulah sebabnya memancing itu menjadi hobi mereka.”

Calon tidak menjelaskan bahawa memancing menjadi semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia sekarang sebaliknya menyatakan bahawa memancing menjadi hobi sebahagian masyarakat.

Calon juga gagal mengemukakan minimum tiga isi. Contohnya kebaikan memancing dapat memperoleh banyak ikan dan dapat dijual kepada kawannya. Jenis-jenis ikan yang sering dipancing dan lokasi aktiviti ini dilakukan tidak disebut langsung. Hal ini menggambarkan pengetahuan calon yang amat cetek.

Terdapat pula calon yang mengatakan hobi memancing membolehkan seseorang memperoleh motokar, rumah, motosikal tetapi tidak dinyatakan sebab-sebab aset itu diperoleh memancing. Ada pula yang hanya berfokus pada langkah-langkah meningkatkan hobi memancing sahaja. Malah terdapat pula calon yang menyentuh tentang kebaikan menyelam di dasar laut.

Keseluruhannya, calon lemah tidak berupaya mengemukakan isi yang mencukupi, huraian lemah dan contoh tiada. Kemungkinan-kemungkinan isi yang dicadangkan dalam Garis Panduan Pemeriksa hampir tepat atau tiada langsung dalam skrip jawapan calon. Contohnya calon mengatakan hobi memancing hanya sesuai untuk satu-satu golongan sahaja iaitu untuk para remaja yang tiada pekerjaan atau untuk orang bandar yang sering diserang penyakit kronik seperti sakit jantung. Terdapat calon menceritakan pengalamannya memancing ikan bermula daripada proses menyediakan umpan, pengalamannya mendapat seekor ikan pari (yang badannya lebar dan mulutnya yang muncung), terbit belas kasihan di hatinya lalu dia melepaskan kembali ikan itu ke laut. Cara huraian yang sedemikian menggambarkan fikiran calon tidak matang, tegasnya calon mengemukakan isi yang tidak cocok dan bercampur aduk.

1.3 Bahasa

Calon tidak dapat menguasai bahasa dengan baik, sebahagian besar ayat tidak jelas dan tergantung maksudnya. Calon juga suka membina ayat yang panjang, berbelit-belit dan tidak gramatis. Contohnya,

- *Jika mereka merasa memancing itu adalah satu hobi yang baik, teruskanlah dengan hobinya itu dan jika mereka tidak berminat sedikitpun untuk menjadikan memancing itu satu hobi, teruskanlah dengan hobi yang lain.*

- ...matakailnya perlu dikail dengan cacing ataupun dengan sejenis cacing atau
 - anak ikan yang diperbuat daripada getah.
- ...memancing ini memang baik jika kita minat dengan memancing tetapi pada masa kini masyarakat Malaysia memang kebanyakannya suka memancing sebab mereka memang suka lihat jenis-jenis ikan yang ada di Malaysia.
- ...Hobi memancing haruslah ditanam sejak kecil lagi dan ingin menjadi seorang pemancing yang terkenal dan mahir dalam bidang memancing

Struktur ayat juga lemah sehingga sukar difahami akibat terpengaruh bahasa pasar. Contohnya,

- ... hobi memancing siapa kata semakin popular mana ada penipu siapa kata popular di kalangan masyarakat saya tak kata jangan madai-madai pandai. .
- ...kita orang tak mincing kita orang tengok-tengok orang lain mincing
- ...dia orang buat lawak kadang-kadang borak kosong saja

Imbuhan yang digunakan juga tidak tepat, contohnya

- *hendaki*
- *minat yang dalam*
- *hobi ini mempunyai baik dan buruk*
- *saya keluar barang yang guna dan duduk*
- *tiba-tiba ada seekor ikan ditangkap saya*
- *ikan terdapat sebanyak ribuan jenis*
- *membelajar*
- *memkembalikan*

Penggunaan kosa kata / diksi juga kurang tepat, contohnya,

- *kerajaan telah memberikan tempat-tempat yang sesuai untuk memancing*
- *dengan ini dapat menaikkan ekonomi Malaysia*
- *hobi memancing boleh menyegarkan badan*
- *umur yang begitu kecil*
- *umur mereka rendah*
- *aktiviti ini tidak harus dinodai oleh kerajaan*
- *jika tiada kesabaran ikan akan lari*
- *mulutnya yang mancung*
- *ia seekor ikan sedang berjalan*
- *banyak kolam ikan yang ditubuhkan*

Contoh penggunaan frasa yang kurang tepat,

- *kebanyakan orang remaja*
- *para-para pemancing*
- *setengah individu*
- *seseorang individu*
- *...memancing sebagai perbuatan harian*
- *...menunggu ikan menjadi lapar*

- ...boleh meringan fikiran daripada sekolah
- kaki-kaki memancing / kaki pemancing
- akan menghulurkan membantunya
- kayu pancing, kayu pemancing (joran)
- makanan ikan (umpan)
- memancing menggunakan selipar Jepun
- banyak ikan-ikan

Struktur ayat yang sukar difahami, contohnya,

- ...mungkin untuk mengeluarkan masalah-masalah yang mereka hadapi
- ...mereka mengena apa yang individu itu akan mereka lakukan
- batuk yang dikeluarkan oleh adiknya
- mereka pancing itu sungguh memuaskan
- semakin pergi memancing, mesti banyak orang terdapat bersiar-siar di sana.
- Hobi memancing boleh bercakap sebagai satu terpilih untuk berehat dalam masa pelajaran kerja.

Terdapat juga penggunaan peribahasa yang tidak relevan untuk menggambarkan keburukan memancing, contohnya *bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru*. Selain itu, terdapat peribahasa yang tidak tepat, contohnya,

- lagi jauh merantau lagi luas pengalaman
- meneguk air sambil menyelam
- menyelam sambil minum air

1.3 Pengolahan

Pengolahan karangan didapati tidak memuaskan dan tidak menarik akibat kelemahan bahasa dan kegagalan menguasai penanda wacana menyebabkan tiada kesinambungan isi. Isi yang berulang-ulang juga melemahkan pengolahan. Calon juga didapati gagal menyusun isi mengikut urutan yang sewajarnya, bermula dengan pendahuluan / pengenalan, isi dan penutup / kesimpulan.

Pemerenggan juga tidak seimbang kerana ada bahagian terlalu panjang dan ada bahagian terlalu pendek. Malah terdapat calon yang menggabungkan lebih daripada satu isi dalam perenggan yang sama. Gaya penyampaian juga kurang menarik dan kurang berkesan. Contohnya,

“Akhir kata dari saya, memancinglah beramai-ramai untuk meningkatkan prestasi negara kita iaitu Malaysia tercinta. ”

Calon juga gagal menguasai penanda wacana, tidak cekap berbahasa dan tiada kesinambungan ayat demi ayat menyebabkan berlaku kelemahan dalam pengolahan dan pemerenggan. Huraian menjadi terputus-putus, hambar dan tidak menarik. Terdapat juga karangan yang tiada penutupnya atau kesimpulannya, seolah-olah karangan yang tidak selesai.

Soalan 2

Sahsiah seseorang terbentuk melalui nilai-nilai yang diamalkan dalam sesebuah keluarga. Walau bagaimanapun ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang itu. Bincangkan.

(a) Kekuatan

2.1 Takrif

Calon memahami kehendak soalan dan dapat mentakrifkannya dengan tepat dan jelas. Sebahagian besar calon dapat menunjukkan bahawa faktor keluarga merupakan faktor dominan dalam membentuk sahsiah seseorang. Namun begitu, faktor-faktor lain telah mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang seperti pengaruh rakan sebaya, media massa, faktor persekitaran, faktor pemakanan, pengaruh guru dan sekolah dan lain-lain lagi.

Terdapat juga calon yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, sebaliknya menyatakan sama ada keluarga semata-mata atau faktor-faktor lain yang membentuk sahsiah seseorang. Calon-calun berupaya memberi huraian yang jitu dan logik di samping mengemukakan contoh-contoh yang sesuai.

2.2 Isi

Calon dapat mempersembahkan isi yang mantap dan menarik. Isi-isi yang bernas itu dikembangkan dengan baik dan disertakan pula dengan contoh-contoh yang sesuai. Kebanyakan calon mengemukakan lebih daripada tiga isi.

Calon dapat membuktikan bahawa faktor keluarga sangat rapat pengaruhnya dengan seseorang terutama sebagai agen sosialisasi terdekat dan tempat asimilasi tali silaturahim sesama anggota keluarga. Misalnya peranan ibu bapa yang menekankan pendidikan agama kepada anak-anaknya berupaya membentuk sahsiah unggul. Ahli keluarga yang sentiasa mengambil berat, berkasih sayang, harmoni akan menyumbang kepada pembentukan sahsiah positif seseorang. Begitu juga kelakuan dan tingkah laku ibu bapa menjadi cermin kepada anak-anak. Sebaliknya pula jika keluarga bermasalah, bercerai-berai, hidup dalam kemiskinan membawa impak negatif kepada kanak-kanak. Contohnya calon menyatakan:

Kasih sayang tidak dapat diukur dengan harta benda. Nilai kasih sayang pula merupakan faktor utama dalam pembentukan sahsiah seseorang itu. Dengan belaian mesra daripada ibu bapa, anak-anak akan merasakan diri mereka dihargai dan disayangi. Anak-anak juga sentiasa memerlukan perhatian ibu bapa. Apabila ibu bapa melimpahkan kasih sayang, anak-anak terdidik menjadi insan penyayang. Sebaliknya, anak-anak yang kurang kasih sayang akan menjadi insan yang agresif dan kerap memberontak.

..... . Namun keluarga yang porak-peranda dan sentiasa bertelingkah akan menyebabkan anak-anak tidak selesa berada di rumah lalu melibatkan diri dengan gejala-gejala yang negatif seperti melepak, merokok, bergaul bebas dan yang lebih parah lagi ada yang terlibat dalam ketagihan najis dadah.

Pengaruh-pengaruh lain pula seperti peranan sekolah dengan budayanya yang tersendiri, peranan guru dan jenis sekolah (sekolah agama, sekolah berasrama atau sekolah harian biasa) semakin mengambil alih peranan keluarga apabila kanak-kanak semakin menginjak

remaja. Ditambah pula peranan rakan-rakan, media massa, persekitaran juga dapat dihurai dengan baik menyebabkan karangan calon sangat mantap. Calon dapat mengaitkan isi-dengan contoh-contoh yang relevan seperti yang tersiar dalam akhbar berhubung dengan salah laku dan keruntuhan akhlak remaja di beberapa buah sekolah. Calon berjaya menyokong hujah mereka dengan memetik hadis, pandangan tokoh-tokoh ternama, pemimpin negara dan sebagainya. Contohnya, untuk menerangkan pengaruh rakan kepada remaja, pujangga Arab ada menyebut;

- *Jika kita berkawan dengan tukang besi, baju kita akan tertarik terkena percikan api. Jika kita berkawan dengan penjual minyak wangi, tubuh kita sedikit banyak akan berbau wangi. Jika berkawan dengan pengangkat najis, tubuh kita turut berbau tahi.*
- *berkawan dengan tok guru pandai mengaji, berkawan dengan perompak pandai mencuri*
- *jika ingin melihat kemajuan sesebuah negara, lihatlah sahsiah dan akhlak pemuda dan pemudinya.*

2.3 Bahasa

Calon berupaya menghuraikan isi dengan menggunakan bahasa yang lancar, struktur ayat yang gramatis dan kosa kata yang pelbagai dan meluas. Contohnya;

- *pendirian itu bagaikan dinding yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar yang mengasingkan sahsiah diri kita dengan segala pengaruh negatif itu.*
- *...namun disebalik segala kesenangan dan nikmat ini, sesuatu yang menggerunkan dan mengecewakan sedang menular ke dalam ruang jiwa anak-anak ini.*
- *...keadaan persekitaran yang kondusif berupaya menjana pembentukan sahsiahyang terpuji.*
- *pembentukan sahsiah yang baik di kalangan masyarakat Malaysia meyakinkan lagi momentum pembangunan negara bukan sahaja dari segi ekonomi malah dari segi sosial dan politik yang utuh, ampuh serta kukuh.*

Contoh frasa yang menarik:

- *.... mencapai keupayaan berdikari*
- *.... tonggak aspirasi Negara...*
- *...internet adalah medium informasi*
- *...kebejatan sosial*
- *...perisai diri yang kukuh*
- *...bagai kudis dalam masyarakat*
- *...penawar yang mujarab*

Contoh kosa kata yang tepat dan menarik:

- *.... kemurungan*
- *.... idola*
- *.... reputasinya*
- *.... wahana*
- *.... merealisasikan*
- *.... tuntas*
- *.... asimilasi*
- *.... norma*

Calon juga bijak menyelitkan peribahasa yang sesuai contohnya;

- *melentur buluh biarlah dari rebungunya*
- *anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya*
- *Kalau guru kencing berdiri, murid kencing berlari*
- *bagaimana acuan begitulah kuihnya*
- *Kalau tiada angin masakan pokok akan bergoyang*
- *bapa borek anak rintik*
- *ulat buku*
- *menjaga tepi kain orang*
- *harapkan pagar, pagar makan padi*
- *duri dalam daging*
- *yang pipih tidak akan datang melayang, yang bulat tidak datang bergolek*
- *di mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi?*
- *Seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul.*

2.4 Pengolahan

Pengolahan didapati menarik dan berkesan kerana calon menguasai isi dan berupaya menggunakan bahasa yang lancar. Karangan diolah mengikut urutan kronologi. Pemerenggan sesuai kerana setiap isi dihurai dalam perenggan yang berlainan. Suasana berhujah berjaya ditimbulkan, menjadikan karangan tidak membosankan. Penggunaan penanda wacana juga sesuai dan tepat seperti *justeru, di samping, oleh hal yang demikian, ironinya dan sebagainya*.

(b) Kelemahan

2.1 Takrif

Calon tidak memahami maksud soalan dan gagal memberi takrif yang tepat. Calon tidak dapat mengaitkan amalan nilai murni dalam keluarga boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang. Ada calon yang hanya membincangkan nilai-nilai yang diamalkan oleh sesebuah keluarga. Ada pula yang membincangkan kelemahan-kelemahan ibu bapa sehingga gagal membentuk sahsiah anak-anak. Terdapat juga calon yang membincangkan faktor-faktor keruntuhan akhlak remaja dan langkah-langkah untuk membentuk sahsiah seseorang. Malah terdapat juga calon yang tidak memahami maksud sahsiah dan mengatakan sahsiah ialah seorang perempuan bernama Sahsiah. Jadi, keseluruhan karangan ditulis berkaitan dengan personaliti yang bernama "Sahsiah".

2.2 Isi

Kebanyakan isi kurang berkembang dan dihurai sepintas lalu sahaja. Contohnya calon menyebut bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah anak-anak melalui nilai yang diamalkan dalam sesebuah keluarga, tetapi tidak menerangkan dengan jelas nilai-nilai yang diamalkan itu.

Calon juga tidak memahami konsep media massa sebagai faktor lain yang mempengaruhi pembentukan sahsiah seseorang. Hal ini jelas apabila calon memberi faktor media massa, faktor media elektronik dan faktor media cetak sebagai faktor lain itu. Apatah lagi calon yang menganggap 'sahsiah' ialah seorang perempuan, lalu diberikan sifat-sifat yang dimiliki oleh Sahsiah. Contohnya:

Sahsiah seorang murid yang baik, rajin berusaha, bekerjasama serta bertanggungjawab. Sahsiah mempunyai sebuah keluarga yang begitu bahagia..... Walau bagaimanapun mempunyai faktor-faktor lain yang mempengaruhi sahshiah seseorang itu.

Calon juga tidak dapat membezakan isi sampingan dengan isi utama. Isi-isi juga dicampur aduk dalam satu perenggan. Contohnya calon membincangkan peranan keluarga dalam pembentukan sahshiah anak-anak tetapi belum sempat isi dikupas dengan baik, calon membincangkan pula peranan rakan sebaya. Isi yang cuba dikembangkan oleh calon terputus-putus dan tiada kesinambungan. Hal ini jelas menunjukkan ketidakmatangan calon.

2.3 Bahasa

Calon gemar menulis ayat yang terlalu panjang dan tidak gramatis. Struktur ayat lemah dan sukar difahami. Contohnya,

“Pada zaman globalisasi kini, dunia yang berlumba-lumba mengejar arus komunikasi dan teknologi serba sofistikated abad ke-21 yang mencerminkan suatu era ketamadunan yang begitu unggul, terdapat pelbagai corak kehidupan serta beraneka ragam masyarakat dapat dilihat. ”

Sahsiah juga dapat dipengaruhi oleh kepincangan keluarga, harus dilakukan untuk kepada orang lain supaya dapat mewujudkan dalam keluarga yang harmoni dan kesejahteraan setiap keluarga.

Sikap ingin berubah akan rapuh dan tidak mampan jika tiada kesungguhan dalam diri.

Terdapat kurang keragaman ayat. Calon hanya menggunakan ayat selapis dan ayat penyata atau bentuk ayat aktif sahaja. Kesalahan tatabahasa banyak dilakukan oleh calon. Penggunaan imbuhan yang salah, penggunaan kosa kata tidak tepat, kesalahan frasa dan kesalahan penggunaan tanda baca. Contoh;

- memesongkaan sahshiah diri
- dari pendiam kepada banyak cakap
- ...sahsiah yang berniat jahat atau rosak.
- ...bersahsiah ganas
- ...kejalan yang tidak bercerah
- ...sahsiah yang terbilang
- ...mengucap khabar
- ...menjahanamkan kesihatan dan merobohkan masa depan

Calon juga tidak dapat menggunakan penanda wacana pada tempat-tempat yang sesuai dan digunakan terlalu kerap dalam sesuatu perenggan. Keadaan ini menunjukkan calon menggunakan penanda wacana sewenang-wenangnya. Contohnya,

- Oleh itu, sahshiah yang baik dapat dibentuk dalam sesebuah keluarga. Dengan itu, negara akan maju dan makmur serta setanding dengan negara luar. Justeru ...
- Dan pergaulan seseorang itu bukan saja melibatkan seorang, satu bangsa, satu budaya dan satu agama.

Terdapat juga penggunaan peribahasa yang tidak tepat dan tidak bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan. Contohnya,

- ...amat memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya ibu bapa bak kata pepatah '**tangan yang menggoncang buaian akan menggoncang dunia**'
- **sahsiah yang baik akan wujud jika kita pandai membentuknya. Semuanya bergantung pada diri kita. Ambil yang jernih dan buang yang keruh. Jadilah seseorang yang mempunyai sahsiah tinggi.**
- *bapa boleh anak rintik*
- *bentuknya air kerana tempayan bentuknya manusia kerana didikan*
- *harapkan padi, padi makan pagar*
- *Melentur aur biar dari rebungnya*
- *Bagaimana kuih begitulah acuannya*

Contoh-contoh penggunaan kosa kata yang salah atau tidak tepat penggunaannya:

- *kumpulan gangster ataupun vandalisme.....*
- *membesar dengan nilai keganasan....*
- *sahsiah yang ampun.....*
- *di zaman globalisasi.....*
- *peringkat umur yang kecil.....*

2.4 Pengolahan

Kemahiran berbahasa yang terhad dan kesalahan tatabahasa yang banyak menyebabkan pengolahan dan penyampaian calon kurang menarik dan kurang berkesan. Kegagalan menguasai penanda wacana juga penyebab kepada kelemahan pengolahan karangan calon. Pemerenggan yang tidak seimbang kerana calon mencampuradukkan lebih daripada satu isi dalam sesuatu perenggan. Calon juga gemar mengulang isi yang sama dalam beberapa perenggan. Terdapat juga calon yang menulis keseluruhan karangan dalam satu perenggan. Ada juga yang gagal menyusun pendahuluan isi dan penutup karangan dengan baik. Hal ini menjadikan sesebuah karangan itu hambar dan tidak menarik.

SOALAN 3

Sebuah kawasan dikenal pasti oleh Pejabat Kesihatan Daerah sebagai tempat bermulanya penyakit berjangkit. Selaku pegawai kesihatan, anda telah ditugaskan untuk membuat laporan tentang wabak penyakit di kawasan tersebut.

Tulis laporan itu selengkapnya.

(a) Kekuatan

3.1 Takrif

Calon memahami kehendak soalan dan dapat melaporkan wabak tersebut dengan gaya pelaporan ilmiah. Calon memahami maksud wabak penyakit berjangkit contohnya penyakit taun, demam denggi, SARS, J. E dan sebagainya. Sebab-sebab jangkitan juga tepat dan logik. Sebagai pegawai kesihatan pula calon memahami tugas yang patut dilakukannya sebelum menyediakan laporan itu dengan mengenalpasti punca serta langkah-langkah pencegahan dan pengawalan yang telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.

Calon dapat menulis dalam format laporan yang betul dan laras bahasa yang sesuai.

3.2 Isi

Calon dapat menghuraikan isi-isi yang berkaitan dengan wabak tersebut dari sudut punca, kesan dan langkah dengan berkembang sekali. Jenis penyakit dan vektor pembawa kuman dinyatakan dengan tepat. Contohnya J. E disebabkan nyamuk culex, denggi disebabkan nyamuk aedes, taun disebabkan makanan tercemar. Kesan wabak ini seperti kematian, dirawat di hospital dan sebagainya telah dinyatakan dengan logik. Calon juga menerangkan langkah dan tindakan yang diambil oleh Pejabat Kesihatan Daerah menangani wabak penyakit ini telah berjaya, seterusnya langkah-langkah pencegahan lanjut (bagi jangka panjang dan jangka pendek) juga dinyatakan. Laporan biasanya diakhiri dengan harapan semua pihak bekerjasama, bertanggungjawab dan bersatu tenaga untuk membasmi penyakit berjangkit di tempat tersebut.

3.1 Bahasa

Calon menguasai laras laporan dengan baik. Bahasa yang digunakan lancar dengan kosa kata yang tepat dan luas terutama dalam bidang perubatan. Contohnya;

- ... *gizi makanan*
- ... *antegen*
- ... *kuarantin*
- ... *mikroorganisma*
- ... *virus*
- ... *antivaksin*
- ... *Japanese Encephalitis (J. E.)*
- *justifikasi*
- *inkuiri*
- *antibiotik*

Penggunaan frasa yang berkesan dan tepat amat penting bagi format laporan, contohnya;

- ... *sisa pelupusan dan pengendalian sampah yang tidak cekap.*
- ... *menampung kuantiti air hujan yang banyak.*
- ... *tempat itu menjadi habitat nyamuk*
- *Kempen adalah instrumen yang terbaik*
- *rumput yang tumbuh meliar di kawasan lading....*
- *pemantauan berkala*
- *tindakan sambalewa penduduk*

Peribahasa juga digunakan dalam laporan mengikut kesesuaian konteks, contohnya ;

- *seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.*
- *nasi sudah menjadi bubur.*
- *hangat-hangat tahi ayam.*
- *melepaskan batuk di tangga.*
- *seperti cendawan tumbuh selepas hujan.*
- *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.*
- *di mana ada kemahuan di situ ada jalan*
- *hendak seribu daya tak hendak seribu dalih*
- *muafakat membawa berkat*
- *berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.*
- *nasi sudah menjadi bubur*
- *sediakan payung sebelum hujan.*

Terdapat juga ayat-ayat yang menarik contohnya ;

- *sebagai jabatan kerajaan yang bertugas menjaga kebajikan dan kebersihan tempat tinggal rakyat, DBKL tidak harus berselindung di sebalik alasan yang lemah sekadar kerana kemalasan pekerja-pekerjanya.*
- *Mereka menegaskan bahawa penyakit yang dialami adalah berpunca daripada sumpahan dan karenah makhluk halus atau tahyul.*
- *Jika perkara ini tidak ditangani dan dikawal segera, imej kawasan tersebut akan terjejas.*
- *Kekurangan oksigen dalam air sungai menyebabkan hidupan akuatik terutamanya ikan mati dan mengurangkan sumber protein penduduk taman ini.*

3.2 Pengolahan

Calon berupaya mengolah laporannya dengan menarik dan berkesan. Pemerenggan juga sesuai dan seimbang berdasarkan turutan isi, contohnya memberi punca, kesan dan cadangan mengatasi. Kesenambungan isi antara perenggan-perenggan ini, keseimbangan perenggan serta penggunaan penanda wacana yang sesuai seperti, *Oleh itu, Selain itu, Justeru, tuntasnya* dan lain-lain lagi telah menghasilkan karangan yang menarik dan mempamerkan kemahiran berbahasa calon. Susunan isi didahului dengan ayat topik diikuti oleh huraian dan diakhiri dengan contoh dan kesimpulan. Format laporan lengkap mempunyai tajuk dan pelapor.

(b) Kelemahan

3.1 Takrif

Calon tidak dapat memahami kehendak soalan dan tidak dapat membezakan karangan laporan dengan karangan biasa. Calon juga gagal memahami konsep penyakit berjangkit. Hal ini menjadikan takrif kurang tepat. Akibatnya isi-isi yang dikemukakan menjadi hambar dan tidak menarik.

Calon juga membincangkan penyakit berjangkit seperti SARS yang berlaku di seluruh dunia dan tidak khusus di sesuatu kawasan. Ada juga yang membuat laporan secara umum dan melibatkan dua tiga wabak penyakit serentak seperti denggi, taun, malaria dan sebagainya.

Terdapat juga calon yang menulis karangan lain daripada tajuk, contohnya surat aduan daripada penghulu kampung kepada Pejabat Kesihatan Daerah tentang penyakit berjangkit di kampungnya. Ada juga yang membuat surat bantahan kepada kilang yang membuang sisa toksik ke sungai berhampiran dan menyebabkan pencemaran serta mengakibatkan penyakit kepada pengguna air sungai.

3.2 Isi

Banyak calon gagal memberikan isi-isi yang mantap, isi kurang dan tidak dikembang dengan baik. Contoh penyakit yang tidak relevan seperti demam campak, panau, kurap, diabetes, penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan lain-lain. Punca penyakit kebanyakannya disebabkan faktor penduduk kampung gagal menjaga kebersihan kampung halaman, longkang tersumbat oleh sampah sarap, mengguna air sungai untuk kegiatan harian termasuk memasak dan minuman (walaupun tinggal di taman perumahan dalam bandar), pihak MDKT tidak mengutip sampah (walaupun tinggal di kampung) dan sebagainya.

Ketidakmatangan calon juga terserlah apabila menyatakan ;

- ... sudah 2500 orang mati, 300 juta orang berjangkit penyakit ini
- ... hidupan liar seperti ayam, lembu, kambing
- ... pihak Kementerian dan Perubatan
- ... nyamuk denggi
- ... penyakit aedes
- ... asma adalah penyakit dijangkit begitu cepat dari perkongsian makanan dan minuman
- ... haiwan seperti lalat dan nyamuk
- ... penyakit aedes berpunca daripada pembuangan sampah sarap.

Terdapat juga calon yang kurang memahami fungsinya sebagai pegawai kesihatan daerah yang sepatutnya mengepalai siasatan dan melaksanakan langkah mengatasi sebaliknya melaporkan kejadian penyakit berjangkit dalam daerah dan negerinya secara umum. Calon juga tidak tahu dan tidak menyatakan punca penyakit berjangkit. Dengan itu, sebahagiannya hanya mengagak punca sesuatu penyakit seperti selesema kerana penduduk terkena hujan secara beramai-ramai dan diabetes kerana seseorang itu memberikan minumannya kepada orang lain.

Pelajar juga memberi isi yang berulang-ulang. Contohnya, dalam perenggan pertama, punca penyakit berjangkit disebabkan oleh tahap kebersihan yang rendah di Kampung Sungai Tua. Dalam perenggan ketiga, calon memberikan faktor kawasan kampung yang kotor.

Terdapat calon yang memberikan penyakit berbahaya bukan penyakit berjangkit. Calon juga gagal mengemukakan jenis penyakit dan tempat wabak melanda. Hanya punca dan langkah dinyatakan. Ada juga calon yang tidak dapat mengemukakan isi yang mencukupi (minimum tiga isi) atau isi yang dikemukakan bercampur aduk di antara isi yang cocok dan tidak.

3.3 Bahasa

Calon gagal dalam penguasaan bahasa. Banyak kesalahan tatabahasa dilakukan dalam pembinaan ayat. Ayat panjang dan ayat tergantung kerap ditemui. Struktur ayat pula tidak gramatis dan tiada keragamannya, penggunaan frasa yang salah, pemilihan kosa kata yang tidak tepat dan tidak menggunakan tanda baca dengan betul, umpamanya ;

- ... pandangan masyarakat yang menyerong
- ... sungai berlumuran dengan sampah sarap
- ... mengurungkan para pesakit SARS di beberapa wad bilik tertentu.
- ... telah menghempas tulang ...
- Kesesakan air longkang merupakan kesan pemulaan penyakit aedes.
- Wabak denggi yang berasal dari nyamuk denggi.
- Hukuman wang dikenakan kepada pesalah
- Mengalami kemautan
- Kejangkitan penyakit ...
- ... merebak-rebak, puncat, kulit badan bermerah dan kulit bergatal.
- Perbagai sisa pemakanan berhambur dibuang secara tabur di halaman mereka
- ... orang yang terkena nyamuk culex gigi akan terjadi sakit-sakit ...
- Akirukalam penyakit JE tidak seperti penyakit lemah.
- Nyamuk-nyamuk bertumbuh.
- menyatakan jumlah penyakit berjangkit itu semakin meningkat

Peribahasa yang digunakan juga tidak tepat dan kadang-kadang tidak sesuai dengan konteks, contohnya ;

- *bubur sudah menjadi nasi*
- *menangis air mata atau darah*
- *tepuan pada satu tangan*
- *di situ ada kemahuan, di situlah ada jalan*
- *sambil menyelam sambil minum air*

Kesalahan penggunaan kata jamak. Contohnya:

- *kebanyakan rumah-rumah*
- *ramai penduduk-penduduk*
- *setiap aspek-aspek kebersiha*
- *pelbagai jenis kekotoran*

Kesalahan ketara yang dilakukan oleh calon ialah penggunaan kata pemeri *ialah* dan *adalah*.

3.4 Pengolahan

Pengolahan kebanyakannya kurang menarik dan kurang berkesan akibat kelemahan penguasaan bahasa dan kekurangan isi. Pemerenggan juga kurang sesuai, contohnya karangan ditulis hanya satu perenggan sahaja. Banyak juga karangan yang tidak mematuhi had minimum bilangan perkataan (kurang daripada 350 patah perkataan). Calon juga tidak membuat kesimpulan atau merumus keseluruhan karangan pada perenggan penutup. Calon gagal menguasai karangan berformat laporan menyebabkan kehilangan markah akibat kesalahan format atau tidak berformat.

SOALAN 4

Penyertaan pelajar dalam koperasi sekolah semakin menggalakkan. Anda ingin menulis rencana tentang faedah-faedah menyertai koperasi sekolah. Tulis rencana tersebut selengkapnya.

(a) **Kekuatan**

4.1 Takrif

Soalan ini memerlukan calon menulis sebuah rencana tentang faedah-faedah menyertai koperasi sekolah. Pada keseluruhannya, calon memahami konsep koperasi sekolah dengan menyamakan konsep penubuhan koperasi sekolah dengan koperasi-koperasi lain yang matlamat utama penubuhannya adalah untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat bukannya mengaut keuntungan yang berlipat ganda. Calon juga tidak menafikan bahawa koperasi sekolah ini telah lama diperkenalkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pelajar dan seluruh warga sekolah.

Pemahaman yang jitu tentang konsep koperasi sekolah membolehkan calon memberikan penerangan dan huraian yang jelas mengenai faedah-faedah menyertai koperasi sekolah dengan memuatkan contoh-contoh yang tepat. Di antara faedah yang dinyatakan ialah menggalakkan pelajar bergiat dalam bidang perniagaan, memupuk semangat bekerjasama

antara satu sama lain tanpa mengira kaum, mengisi masa terluang dengan berfaedah, penyertaan pelajar dalam koperasi sekolah dapat melahirkan pelajar yang amanah dan bijak menguruskan kewangan, mendedahkan pelajar dalam bidang saham secara kecil-kecilan dan sebagainya. Akhir sekali, calon mengharapkan agar lebih ramai pelajar menyertai koperasi sekolah.

Format penulisan rencana juga dikuasai dengan baik. Calon juga dapat mengaitkan penglibatan ANGKASA dengan koperasi sekolah.

4.2 Isi

Kebanyakan calon mengemukakan lebih daripada tiga isi utama yang dikembangkan dengan baik dan disertakan contoh yang sesuai. Bentuk soalan yang jelas telah merangsang calon memberikan isi-isi yang tepat sebagaimana dikehendaki. Kebanyakan calon yang sememangnya terlibat dalam tugas di koperasi sekolahnya mampu memberikan isi-isi yang jitu, contohnya, dapat memberikan pendedahan dan pengalaman dalam bidang perniagaan, mendapat dividen dari saham-saham yang dibeli, mempelajari secara praktikal ilmu yang berkaitan dengan Perdagangan dan Prinsip Akaun, membantu pelajar mengisi masa senggang dengan berfaedah, boleh membeli keperluan sekolah dengan harga lebih murah, memperbaiki sikap dan pergaulan pelajar, mengeratkan hubungan pelajar dengan guru, dapat melahirkan bakal peniaga / usahawan yang kreatif dan mampu berdikari serta mempunyai daya juang yang tinggi dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, calon yang matang dapat mengemukakan isi-isi yang sangat tepat dengan huraian yang jelas dan berkembang. Mereka juga berupaya menampilkan beberapa istilah perniagaan yang tepat dan relevan seperti akaun jual-beli, buku stok, promosi, baucer, dividen, saham dan sebagainya. Hal ini menjadikan karangan mereka menarik dan berkesan.

4.3 Bahasa

Bahasa yang digunakan oleh calon ini sangat memuaskan dan lancar. Pemilihan kosa kata, frasa dan ayat amat bersesuaian dengan bidang perniagaan, contohnya ;

- ... *dividen*
- ... *saham*
- ... *baucer*
- ... *invois*
- ... *kredit*
- ... *debit*
- ... *sebut harga*
- ... *pengguna berhemah*
- ... *premis perniagaan*
- ... *keusahawanan*

Contoh frasa yang sesuai dan tepat:

- ... *mendapat untung hasil jualan ...*
- ... *mempelajari asas urusan perniagaan*
- ... *sebilangan pembekal memberikan harga istimewa.*
- ... *inisiatif paling mantap*
- ... *mengelakkan sebarang kebejatan moral*

- ... menghadapi karenah pelanggan
- ... menabung untuk masa depan
- ... kualiti kepimpinan
- ... terhumban ke bumi menjadi permata dan melantun ke langit menjadi bintang
- ... fenomena ini berlaku secara drastik
- ... pelajar-pelajar yang kreatif dan berwawasan
- ... impak yang positif.

Contoh ayat-ayat yang gramatis:

- ... pihak koperasi sekolah memperoleh modal awal melalui jualan syer.
- Cara ini dapat mengalihkan perhatian pelajar tersebut daripada terjebak dalam kegiatan-kegiatan negatif seperti merokok, melepak dan sebagainya.
- ... usaha koperasi sekolah haruslah diteruskan untuk membantu dan membimbing para pelajar ke arah pembentukan insan yang berintelektual, berwibawa dan bermoral tinggi bagi merealisasikan wawasan 2020.
- Penyertaan dalam koperasi sekolah dapat melahirkan individu yang amanah dan bijak menguruskan kewangan terutama bagi pelajar yang menjadi juru jual
- Barangan di koperasi akan diberi diskaun yang jauh lebih berbaloi berbanding dengan barangan yang dijual di kedai-kedai di luar sekolah.
- penyertaan pelajar dalam koperasi sekolah dapat memupuk sikap berdikari di kalangan pelajar di samping melahirkan pelajar yang bijak menguruskan kewangan.
- Bagi pelajar yang bercita-cita untuk menjadi ahli perniagaan apabila dewasa kelak, boleh menggunakan pengalaman berurus niaga di koperasi sekolah sebagai asas untuk merealisasikan impiannya.
- Dalam menongkah arus pembangunan menuju ke era globalisasi, masyarakat terutamanya para pelajar semakin bijak membuat keputusan untuk masa depan mereka.

Pelajar juga mampu menyelitikan peribahasa dan pepatah yang bersesuaian, contohnya ;

- masa itu umpama pedang, jika kamu tidak memancungnya, tentu masa itu akan memancung kamu. (Pepatah Arab)
- Semangat kerjasama bertunjangan konsep telentang sama menadah embun, tertiarap sama memakan pasir akan melahirkan insan kamil dan berakhlak mulia.
- Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.
- Sambil menyelam minum air, sambil berdiang menanak nasi.
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya.
- Seperti katak di bawah tempurung
- Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih
- Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing
- Usaha tangga kejayaan
- Masa itu emas
- Batu loncatan
- Jika kemenyan sebesar lutut, jika tidak dibakar, tidak akan berbau wangi.

4.4 Pengolahan

Calon yang baik penguasaan bahasanya dapat mengolah karangan dengan menarik dan berkesan. Karangan menjadi lebih menarik apabila terdapat calon yang menyelitkan ucapan pemimpin negara yang dipetik daripada sumber-sumber tertentu dalam karangan yang dihasilkan. Calon juga dapat mengolah isi-isi karangan dalam bentuk pemerenggan yang seimbang dan mempunyai kesinambungan dalam format rencana yang lengkap. Kesimpulannya, memang tidak dapat disangkal lagi bahawa kecekapan berbahasa amat berkait rapat dengan hasil penulisan yang baik dan pengolahan yang menarik.

(b) Kelemahan

4.1 Takrif

Kebanyakan calon yang lemah tidak memahami konsep penubuhan koperasi sekolah. Calon menyatakan bahawa segala perbelanjaan yang dilakukan oleh koperasi sekolah dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Koperasi sekolah juga dikatakan diurusniaga sepenuhnya oleh pelajar-pelajar dengan diketuai oleh seseorang guru penasihat. Hal ini jelas menunjukkan betapa calon gagal memahami konsep sebenar penubuhan koperasi sekolah sehingga menyebabkan takrifan yang diberi kurang tepat dan isi-isi yang dimuatkan dalam karangan menyimpang daripada kehendak soalan. Terdapat calon yang beranggapan koperasi adalah kegiatan kokurikulum yang dapat mengisi masa lapang semua pelajar. Koperasi juga dianggap sebagai sebuah kelab atau persatuan yang menganjurkan pertandingan perbahasan dan bola jaring. Ada juga calon yang menyatakan faedah-faedah menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah. Terdapat juga contoh-contoh yang tidak tepat. Selain itu calon juga menceritakan perkhidmatan yang disediakan oleh koperasi tetapi tidak menunjukkan perkaitan dengan faedah menyertai koperasi malah ada juga calon yang menjelaskan tugas-tugas di koperasi sekolah bukannya faedah menyertainya. Ada juga yang menyangka menjadi tanggungjawab koperasi sekolah untuk memberi segala kemudahan bangunan dan prasarana sekolah, termasuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar miskin di sesebuah sekolah. Hal ini jelas menunjukkan dangkalnya pemikiran calon dan sikap tidak ambil kisah tentang apa yang sedang berlaku di persekitaran mereka.

4.2 Isi

Calon yang lemah gagal memberi isi dan penerangan yang jelas dan matang apatah lagi untuk menyenaraikan contoh-contoh yang tepat. Terdapat calon yang menyatakan bahawa pada setiap hujung bulan, ahli-ahli koperasi akan mengira keuntungan yang diperolehi dan seterusnya segala keuntungan itu akan dibahagikan sama rata antara ahli koperasi sekolah.

Calon juga memberikan isi-isi yang kurang cocok seperti penyertaan pelajar-pelajar dalam koperasi sekolah dikatakan dapat menjamin kesihatan. Hal ini kerana mereka mempelajari cara-cara menjaga kesihatan seperti makan makanan yang seimbang. Oleh itu, masalah seperti penyakit berjangkit dan masalah pertumbuhan dapat dielakkan.

Terdapat calon yang mencampur-adukkan isi antara cocok dan tidak cocok. Contohnya, calon menyatakan bahawa penyertaan pelajar dalam koperasi sekolah turut menguntungkan mereka dari segi masa. Pelajar tidak perlu berebut-rebut melaksanakan tugas ketika waktu rehat yang terhad masanya. Pelajar dibenarkan makan dan minum di koperasi pada waktu rehat tanpa perlu beratur membeli makanan dan menghabiskan masa begitu sahaja. Isi-isi yang ditulis terlalu longgar, hanya menyebut koperasi secara ringkas tanpa memberi contoh-contoh yang sesuai. Terdapat juga calon yang menyatakan bahawa pelajar sekolah dapat belajar dengan aman di dalam koperasi sekolah kerana tiada siapa yang

mengganggu, sebaliknya belajar di rumah akan diganggu adik-adik. Calon nampaknya kurang faham dengan konsep koperasi kerana isi-isi yang ditulis tidak menggambarkan faedah koperasi.

Calon yang lemah juga tidak dapat membezakan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi dengan aktiviti kokurikulum. Sebagai contoh, ada calon yang mengemukakan isi bahawa penyertaan pelajar-pelajar dalam koperasi memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam ekspedisi di hutan. Melalui ekspedisi ini mereka akan dapat mengenali tumbuh-tumbuhan dan hidupan di hutan supaya tidak pupus dan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Kesimpulannya, calon yang lemah tidak mampu memberikan isi-isi karangan yang tepat dan matang apatah lagi untuk mengembangkan isi karangan dengan baik. Sebaliknya, mereka hanya menyenaraikan isi atau hanya menyebut secara sepintas lalu. Sebagai contoh, penglibatan para pelajar dalam koperasi sekolah membolehkan negara maju dari segi pertahanan.

4.3 Bahasa

Bahasa yang digunakan meleret-leret dan sebahagiannya tidak dapat menyatakan maksud yang hendak disampaikan dengan tepat. Hal ini menunjukkan penguasaan bahasa calon tidak memuaskan dan kurang lancar serta banyak kesalahan bahasa yang dilakukan, contohnya;

- *...antara kebaikan menyertai koperasi sekolah ialah pelajar dapat membeli pelbagai barangan murah pelajar dapat berbual antara satu sama lain pelajar boleh menolong guru pelajar boleh membuat latihan akaun koperasi dan mengisi masa berlapang faedah.*
- *... pelajar boleh mengeluarkan sedikit duit untuk memegang koperasi...*
- *ilmu pengetahuan koperasi dapat dibelajari dengan bayaran menjadi koperasi...*
- *... koperasi sekolah merupakan antara lembaga-lembaga yang ditubuhkan di hampir semua sekolah serta institusi pendidikan seperti lembaga yang lain.*
- *... faedah pertama ialah kita dapat mengenali koperasi ialah macam mana punya tempat faedah ketiga ialah boleh tolong cikgu berkemaskan bilik koperasi itu.*
- *... pelajaran ini dikandung dalam mata pelajaran kemahiran hidup*
- *Dalam masa yang relatif singkat ini, pelbagai jenis insan telah dilahirkan sehingga ada yang jadi positif dan juga negatif.*
- *Koperasi sekolah merupakan satu pusat membeli-belah bagi seorang pelajar untuk melengkapkan diri mereka.*
- *Peranan para pelajar malah guru memainkan peranan penting dalam sesebuah koperasi dan juga mentadbir dan menaikkan taraf sesebuah badan koperasi di mata masyarakat.*

Penggunaan frasa yang kurang tepat ; antaranya:

- *Buku pelajaran yang bermuka-muka tebalnya*
- *Berjaya dalam kejayaannya*
- *Keluar bekerja di masyarakat*
- *... dengan meniru pemilik mereka*
- *sekolah merupakan sebuah lapangan yang penting.*
- *Mahupun pelajar diantaranya berlainan bangsa.*
- *Berbagai bilang kaum*

- *Permainan berunsur positif*
- *lanya juga*
- *Pelajar yang menghadirkan diri dalam koperasi*

Contoh penggunaan peribahasa yang salah:

. . . semua pelajar patut menyertai koperasi sekolah kerana menggengam bara api biar sampai jadi arang

Terdapat juga kesalahan penggunaan kata tunjuk yang digunakan pada permulaan ayat seperti, *iaitu, ini kerana, atau dan ini adalah*. Terdapat juga penggunaan singkatan seperti *tak, nak* dan sebagainya. Selain itu, banyak juga kesalahan tanda baca yang dilakukan terutamanya noktah, koma dan tanda seru.

Didapati calon banyak membina ayat berpangkalan ini. Hal ini dapat dilihat dalam ayat-ayat di bawah.

- *Ini menjaga kebajikan ahli-ahlinya.*
- *Ini dapat melahirkan pelajar yang berminat dalam idang perniagaan.*
- *Ini dapat menjimatkan wang pelajar apabila membeli barangan di koperasi sekolah.*

4.4 Pengolahan

Pemerenggan yang tidak seimbang mencacatkan karangan. Isi yang tidak dikembangkan dan bercampur aduk dalam satu perenggan menjejaskan keseluruhan karangan. Tiada pertautan idea antara perenggan-perenggan kerana kegagalan menggunakan penanda wacana menjadikan pengolahan tidak menarik. Terdapat calon yang gagal menyusun pendahuluan, isi dan penutup dengan teratur.

Secara keseluruhannya calon yang lemah tidak dapat mengolah karangan dengan baik dan memuaskan kerana penguasaan bahasa yang lemah. Selain itu, ada calon yang masih tidak arif tentang format rencana hingga meninggalkan salah satu atau kedua-dua unsur format iaitu ‘tajuk’ dan ‘nama penulis’.

SOALAN 5

Peribahasa, “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung” perlu menjadi pegangan hidup seseorang.

Berikan pandangan anda tentang maksud peribahasa tersebut.

(a) Kekuatan

5.1 Takrif

Calon memahami maksud peribahasa iaitu kita perlu mematuhi peraturan dan adat resam tempat kita tinggal. Calon juga menyatakan dengan jelas kepentingan memenuhi kehendak peribahasa ini terutama sekali kepada perantau yang mengadu untung nasib di tempat orang. Calon juga dapat mengaitkan sikap yang perlu ada pada seseorang itu walau di mana-mana sahaja dia berada untuk apa jua urusan. Calon menerangkan bahawa peribahasa ialah satu pandangan dunia (world view) masyarakat Melayu dan dijadikan sebagai sumber nasihat yang relevan sepanjang zaman.

Calon juga berupaya mengemukakan kebaikan-kebaikan yang dikecapi sekiranya seseorang memegang prinsip sebagaimana yang dianjurkan melalui peribahasa tersebut. Selain itu kesan-kesan negatif juga wujud sekiranya seseorang itu tidak mengamalkan prinsip sebagaimana yang dimaksudkan dalam peribahasa tersebut.

Terdapat juga calon yang mendefinisikan peribahasa dengan berdasarkan sebuah cerita yang begitu menarik. Hal ini memberi pengajaran kepada pembaca bahawa di mana sahaja kita berada atau menetap kita hendaklah mematuhi dan taat kepada segala peraturan dan adat resam tempat tersebut.

5.2 Isi

Kekuatan isi calon merujuk kepada contoh-contoh kebaikan yang bakal dinikmati oleh seseorang dengan mengamalkan sikap sebagaimana yang dianjurkan dalam peribahasa tersebut. Kepentingan mematuhi adat resam di tempat kita tinggal akan membawa kita diterima baik oleh masyarakat setempat, malah jika bernasib baik, seseorang itu mampu mencipta nama. Contoh yang diberikan termasuklah Dato` Jimmy Choo (perekas kasut) dan Dato` Michelle Yeoh (bintang filem).

Calon juga mengakui walaupun kita menghormati adat setempat, tidak semestinya kita turut mengikut segala-galanya, sebaliknya harus menggunakan akal fikiran untuk menapis perkara yang boleh diikuti dan tidak bertentangan dengan anutan agama kita. Seseorang itu harus mengambil nilai-nilai positif untuk dijadikan amalan.

Calon turut mengemukakan kesan negatif apabila prinsip yang dianjurkan dalam peribahasa ini tidak dijunjung oleh seseorang. Masyarakat akan berpecah belah dan musuh akan mengambil kesempatan menguasai tempat tersebut. Sebagai contoh, calon memetik syair Jong Pecah karya Adibah Amin. Terdapat pula calon yang mengambil contoh warga asing yang mencari rezeki di Malaysia telah terlibat dalam kegiatan jenayah dan merusuh, yang menunjukkan bahawa mereka tidak menjunjung langit di bumi yang dipijak. Mereka mengancam kedaulatan negara kita, malah calon menyelitkan sikap ini dengan peribahasa lain, iaitu "susu diberi, dibalas tuba".

Ada juga calon yang menulis dalam bentuk cerpen yang menggambarkan pandangannya tentang maksud peribahasa. Calon dapat menceritakan tentang dirinya yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Pertama kali kakinya menjejak bumi asing, calon telah mengalami satu 'kejutan budaya'. Keadaan bumi rantau yang begitu kontras budayanya dengan tanah air menyebabkan penulis berperang dengan diri sendiri untuk menyesuaikan diri dengan budaya, adat resam dan peraturan di sana. Walaupun kadangkala penulis berasa kekok namun secara beransur-ansur akhirnya dia dapat menyesuaikan diri. Dengan semangat jati diri yang teguh di dalam jiwa penulis, dia berjaya menyesuaikan diri dengan budaya dan cara hidup di tempat tersebut di samping keimanan yang kukuh di dalam hatinya. Kesimpulannya, apabila maksud peribahasa ini diamalkan seseorang itu akan berasa bahagia dan hidup selesa di mana-mana sahaja dia berada.

Bagi soalan ini, calon boleh memberikan pandangannya sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan maksud peribahasa ini atau mengemukakan hujah-hujah bersetuju dan ada pula aspek-aspek yang tidak dipersetujui dengan mengemukakan alasan-alasan dan penghujahan yang munasabah.

5.3 Bahasa

Calon berupaya menyampaikan pemikirannya dengan jelas melalui penggunaan bahasa yang lancar. Laras bahasa yang digunakan sesuai iaitu berunsur nilai murni dengan retorik yang tepat. Kosa kata yang sesuai, frasa yang menarik menjadikan karangan begitu berkesan, kombinasi ayat panjang dan ayat pendek memantapkan lagi karangan, contohnya;

Contoh ayat yang gramatis dan menarik:

- ... seseorang itu mestilah mematuhi adat resam sesuatu bangsa asalkan tidak bercanggah dengan kepercayaan dan pegangan agamanya.
- ... adat resam dan peraturan yang diamalkan sudah pastinya tidak bertentangan dengan akidah tetapi sebenarnya boleh menjadi pemangkin kepada kita untuk membentuk kecemerlangan dan membina jati diri....
- Genap dua purnama berkat keikhlasanku mempelajari peraturan dan adat resam penduduk setempat akhirnya aku diterima oleh mereka dan melayanku "bagai menatang minyak yang penuh".
- Masyarakat semakin galak menyalahi undang-undang seperti membuang sampah di merata-rata, membuang bahan toksid ke laut dan sebagainya kerana tidak mengamalkan sikap di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung.
- Matlamat hidup bukanlah alasan untuk kita mengkhianati bumi bertuah ini.
- Kita harus menghargai perjuangan tokoh-tokoh negara yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air tercinta dan membebaskan kita daripada cengkaman penjajah.
- "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" seharusnya menjadi pegangan hidup setiap pendatang atau perantau agar tiada masalah diperoleh dan dapat hidup dalam aman dan sentosa.

Contoh frasa kata yang menarik:

- ... masyarakat sakinah
- ... mewarisi kemerdekaan dan limpahan kemewahan. .
- ... dari zaman primitif sehinggalah era pascamoden...
- ... menjadi lumrah kehidupan
- ... seluas samudera
- ... jauh di kotak sukma...
- ... kugalas kenangan silam...

Penggunaan kosa kata yang menarik dan tepat maksudnya:

- jumud
- ... mapan
- ... sukma
- ... kosmopolitan
- ... pascamoden
- ... ketandusan
- ... intihanya
- ... marcapada

Calon juga berupaya mengemukakan pelbagai peribahasa sebagai mengukuhkan hujahnya, contoh;

- *masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.*
- *Alah biasa tegal biasa*
- *Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.*
- *Hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, baik jua negeri sendiri*
- *Buang yang keruh ambil yang jernih.*
- *Bagai menatang minyak yang penuh*
- *Bagai rusa masuk kampung*
- *Ayam tambatan*
- *Laksana embun di hujung rumput*
- *Kerana nila setitik rosak susu sebelanga*
- *Biar mati anak, jangan mati adat*

Pemilihan bait-bait syair yang bersesuaian menjadikan karangan bertambah menarik malah di akhir karangan dilampirkan puisi tradisional iaitu serangkap syair yang menunjukkan harapan seseorang agar seluruh rakyat negara ini berpegang kepada prinsip di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung dapat hidup aman dan teguh dengan rahmat Tuhan.

5.4 Pengolahan

Pemahaman yang mendalam terhadap maksud peribahasa membolehkan calon menulis karangan dengan menggunakan bahasa yang betul. Oleh hal yang demikian, penyampaian pandangan calon menjadi lancar dan kemas. Seterusnya, calon dapat mengolah karangan dengan baik sekali. Penyampaian lebih menarik lagi dengan selitan unsur-unsur keindahan bahasa seperti peribahasa, kata-kata hikmat dan sebagainya yang diolah dalam perenggan-perenggan yang sesuai, begitu juga penggunaan puisi pada perenggan awal dan akhir sebagai pengenalan atau penutup isi karangan. Kesenambungan perenggan dipelihara dengan memanfaatkan penanda wacana yang tepat seperti *selain itu, oleh hal yang demikian, justeru, konklusi, intihanya* dan seumpamanya.

(b) KELEMAHAN

5.1 Takrif

Calon tidak memahami maksud peribahasa dengan tepat malah ada calon yang memberikan makna yang berbeza sekali. Terdapat calon yang menceritakan tentang semangat cintakan tanah air sendiri dengan kesetiaan kepada tanah air sehingga menyimpang dari maksud sebenar.

Ada pula yang memahami peribahasa ini sebagai berpegang teguh kepada pendirian masing-masing dan jangan terpengaruh dengan orang lain. Tidak kurang pula yang mengatakan ke mana-mana sahaja kita pergi, janganlah melupakan asal usul kita. Terdapat juga yang mengatakan seseorang perlu mematuhi peraturan di kampungnya sahaja tetapi apabila berada di tempat lain dia tidak perlu mematuhi peraturan setempat kerana di situ bukan buminya.

Calon tidak dapat mengaitkan cerita yang ditulis dengan maksud peribahasa. Penceritaan secara umum menyebabkan cerita terawang-awang dan tersipi dari maksud sebenar yang dikehendaki oleh peribahasa. Calon hanya menulis secara umum tentang perjalanan hidupnya di bumi asing menyebabkan pembaca tercari-cari cerita yang disampaikan oleh calon untuk dikaitkan dengan maksud sebenar. Ada pula yang menganggap maksud

peribahasa itu sebagai usaha meningkatkan semangat patriotik di kalangan masyarakat. Calon cenderung menggantikan peribahasa tersebut dengan hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik jua negeri sendiri.

Terdapat juga calon yang menulis sebuah cerpen bertemakan peribahasa tersebut. Hal ini tidak memenuhi kehendak soalan yang menghendaki calon memberikan pandangan tentang maksud peribahasa tersebut, sama ada bersetuju atau tidak atau ada aspek yang dipersetujui dan ada pula aspek yang tidak dipersetujui. Dengan menulis sebuah cerpen bertemakan peribahasa tersebut mengikut Garis Panduan Pemarkahan, calon dikira membentangkan satu isi sahaja.

Ada calon yang menganggap maksud peribahasa ini “di mana kita pergi di situ ada rezeki”. Contoh yang diutarakan ialah seperti pendatang asing yang datang ke Malaysia, bekerja keras demi untuk menyara hidup ana-anak dan isteri di negara masing-masing. Calon menceritakan tentang pengalaman pergi merantau dan mencari pekerjaan serta melakukan kerja di tempat orang.

Contoh-contoh yang dipaparkan ini memperlihatkan pelajar tidak memahami maksud peribahasa ini. Justeru, takrif karangan tentunya tidak tepat:

- *Pada pandangan saya, maksud peribahasa “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung” ialah tempat di mana kita dilahirkan dan dibesarkan sejak dari kecil lagi”.*
- *Peribahasa ini bermaksud di mana kita berada pun kalau kita rajin berusaha kita akan berjaya.*
- *Peribahasa “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung” membawa maksud yang begitu mendalam iaitu walaupun seseorang itu telah beroleh kejayaan, maka seseorang itu harus sentiasa mengingati asal-usulnya dan tidak membangga diri dengan sesuatu kejayaan yang dicapai, tetapi sebaliknya bersyukur di atas setiap kejayaan yang diperoleh.*

5.2 Isi

Disebabkan pemahaman terhadap maksud peribahasa tidak tepat, maka kebanyakan isi yang dikemukakan tidak menepati maksud sebenar. Isi-isi juga tidak dimantapkan dengan huraian dan contoh-contoh yang sesuai. Malah ada calon yang memberi contoh yang bertentangan dengan makna sebenar peribahasa ini “Seperti kacang lupakan kulit”. Antara isi yang dikemukakan selain dari yang dinyatakan di atas:

- *Cara-cara menumpahkan taat setia kepada negaranya*
- *Menceritakan bagaimana dia jatuh cinta dengan pasangannya*
- *Perlunya seseorang membalas jasa ibu bapa*
- *Kepentingan peribahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu.*
- *Pentingnya usaha memelihara adat dan budaya Timur*
- *Kita harus mengamalkan konsep berdikari dan harus berhati-hati menjaga diri.*
- *Kita harus mengelak daripada terjebak dalam gejala sosial*
- *Pelajaran sangat penting dalam membina masa depan.*
- *Jangan lupa asal-usul kita, jangan lupa daratan*
- *Jauh perjalanan luas pandangan.*

5.3 Bahasa

Calon tidak mempunyai kebolehan berbahasa yang baik. Sikap tidak memberatkan keindahan bahasa dalam penulisan menjadikan penyampaian calon hambar. Bahasa kurang memuaskan dan kurang lancar, terdapat pelbagai kesalahan aspek kebahasaan yang dilakukan oleh calon, contohnya;

Contoh ayat-ayat yang tidak gramatis:

- *Jika seseorang itu tidak fasih bahasa Melayu ataupun tidak mengerti maksud sebenar peribahasa ini akan fikir bahawa tempat kaki memijak di sana dia harus cuba menyentuh langit ... peribahasa ini satu pegangan yang sinonim dengan hidup kita kepada tatasusila yang jauh yang asing ...*
- *Oleh kerana kita ialah pelawat dan orang tempatan akan lebih perhatian perbuatan kita.*
- *Masyarakat umpama komuniti yang berpegang teguh terhadap peribahasa di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung dan menjadi amalan dalam hidup sehari-hari.*
- *Kita pun jangan mengambil hati dengan keejekan dan kebulian yang dibuat oleh rakan-rakan*
- *Dia pernah bertanya perasaan aku tinggal di negeri orang yang berjauhan daripada keluarga sendiri.*
- *Kebanyakan pelajar-pelajar hijrah ke luar negeri mendalami ilmu pengetahuan.*

Contoh kesalahan frasa:

- *... aku kerindukan halaman kampungku...*
- *... hidup di sini terkotang-kantung ...*
- *... kali pertama bercecahkan kaki di sini ...*
- *... kejatuhan maruah di negeri orang ...*
- *... mendapat agak apa jawapan...*
- *... keburukan belakang masalah...*
- *... sejak kebelakang ini....*
- *... keras bekerja....*
- *... berduduk di halaman rumah...*
- *... kusemat parut luka kuat...*

Contoh penggunaan kosa kata yang salah:

- boring, stres, tren
- sopping kompleks
- **mentanak** nasi
- berketawa
- membelajari
- kebahagiaan
- **mengucap** maaf

Peribahasa yang tidak betul juga digunakan, contohnya;

- *'sesal dahulu kedapatan, sesal kemudian selamanya'*
- *'mencurah air keujung keladi'*
- *'ikut resmi padi, tidak bertunduk tidak berisi'*
- *'masuk kandang kambing menguak masuk kandang lembu mengembok'*
- *Kalau kita masuk kandang lembu, kita mengembu, kalau kita masuk kandang kambing, kita mengembek.*

Calon gemar menggunakan ayat yang terlalu panjang dan tidak gramatis, contohnya;

- *... walaupun kita berada di negara orang, jangan lupa membuat kelakuan yang baik, tetapi kebanyakan orang-orang yang pergi ke negara asing selalu menunjukkan kemegahan, kekuatan dan kesombongan kerana ingin negara asing sama dengan negaranya dan apatah lagi kelakuan seperti beruk kena belacan yang selalu ditunjukkan oleh remaja-remaja sekarang*

Terdapat juga ayat tergantung:

- *sudah senang atas alasan terlalu sibuk.*
- *Seorang yang memegang semangat patriotisme.....*

Penggunaan frasa dan pemilihan diksi yang kurang tepat, contohnya;

- *... air mataku jatuh bertalu-talu*
- *kegemilangan Malaysia terserlah dan tidak pudar.*
- *Segala peraturan-peraturan seperti maksud itu akan*
- *Sanggup berkeluarga sehingga beranak-pinak.*
- *Bergadai wang*
- *Tertumpah darah*

5.4 Pengolahan

Pengolahan tidak menarik kerana maksud peribahasa tidak tepat dan kelemahan bahasa, ketidakcekapan membina perenggan dan penggunaan penanda wacana menjadikan penulisan tidak mantap, hambar dan tidak menarik. Terdapat calon yang menulis isi dalam perenggan lain manakala contoh pula dalam perenggan yang berikutnya pula. Hal ini menjejaskan kesinambungan pembicaraan isi. Ada juga calon yang mengulang-ulang isi yang sama perenggan demi perenggan, mungkin kerana ketandusan idea atau tidak mahir berbahasa. Isi karangan juga tidak disusun mengikut urutan yang sewajarnya. Ada juga yang menulis beberapa isi dalam satu perenggan. Penguasaan peribahasa dan kemahiran berbahasa yang lemah menyebabkan calon tidak berupaya mengolah karangan dengan baik.

SOALAN 6

Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Negara, sebuah persatuan di tempat tinggal anda telah menganjurkan pertandingan penulisan cerpen. Anda telah membaca cerpen yang memenangi hadiah pertama pertandingan itu. Anda ingin membuat ulasan tentang cerpen tersebut.

Tulis ulasan anda itu.

a) **Kekuatan**

6.1 Takrif

Calon berjaya memenuhi kehendak soalan dan takrif ulasan cerpen. Calon mengulas cerpen yang memenangi pertandingan tersebut dari sudut keistimewaan dan kewajaran kemenangannya. Aspek yang diulas seperti tema, persoalan, plot, watak, nilai-nilai murni, sinopsis, bahasa dan sebagainya. Calon juga menguasai format ulasan dengan baik. Cerpen ini bertema kemerdekaan, kasih sayang, pengorbanan dan perjuangan. Format ulasan juga dikuasai dengan baik.

6.2 Isi

Pembelajaran KOMSAS tidak dinafikan dapat diaplikasikan untuk menjawab soalan ini dengan baik. Oleh sebab itu calon berupaya menguasai aspek-aspek yang perlu diulas. Kebanyakan calon mengulas lebih daripada tiga aspek yang dikehendaki. Setiap aspek dihurai secara terperinci dan dimasukkan pula contoh yang sesuai.

Dari aspek urutan isi, kebanyakan calon akan memperkenalkan tentang pertandingan, penganjur, penyertaan, syarat-syarat pertandingan, hadiah dan keputusannya sebagai perenggan pendahuluan. Calon akan bermula dengan aspek sinopsis yang menggambarkan seolah-olah calon telah membaca cerpen dan menganalisisnya. Kemudian, barulah calon berkisar kepada tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, gaya bahasa dan nilai-nilai murni serta pengajaran.

Calon menekankan aspek keistimewaan cerpen yang menang ini berbanding cerpen lain. Malah ada calon yang mengulas kelemahan yang terdapat dalam cerpen itu supaya boleh ditingkatkan mutunya. Calon juga bijak menggunakan pengetahuan daripada novel yang dipelajari dalam KOMSAS dengan mengubah nama-nama watak dan disesuaikan dengan genre cerpen. Ada juga yang menggunakan terus cerpen yang dipelajari untuk diulas. Antara tajuk cerpen yang diulas ialah "Malam Terakhir", "Payung Limau Mandarin", "Liku-liku Perjuangan" dan sebagainya.

Calon dapat menghuraikan jenis watak-watak utama, watak sampingan, watak protagonist dan watak antagonis. Manakala perbincangan tentang latar pula calon menyentuh latar tempat, masa dan masyarakat. Kebanyakan calon pandai mengaitkan tema cerpen yang dipertandingkan sempena dengan Bulan Kemerdekaan ini dengan tema perjuangan menentang penjajahan, semangat patriotik, ada juga yang bertemakan kehidupan yang perlukan ketabahan untuk mencapai kejayaan, cintakan tanah air atau kekasih dan sebagainya. Jelasnya pengetahuan mereka tentang KOMSAS banyak membantu mereka dalam menjawab soalan ini.

6.3 Bahasa

Calon berupaya menggunakan bahasa yang memuaskan dan lancar. Calon menggunakan kosa kata yang luas dan tepat. Laras bahasa ulasan dikuasai dengan baik oleh calon. Calon dapat menyatakan istilah-istilah sastera dengan tepat. Contohnya;

Bombastik, plot, metafora, personifikasi, konflik dalaman, watak statik, imbas kembali, hiperbola.

Calon juga berupaya menulis ayat yang menarik, gramatis, laras bahasa sesuai untuk ulasan cerpen, contohnya;

- ... bagi watak dan perwatakan pula pengarang telah membuat penelitian secara menyeluruh bagi setiap watak untuk menghasilkan satu jalinan plot yang padu mengikut rentetan peristiwa yang berlaku....
- Pepatah Melayu, "Jauh berjalan luas pengalaman," itulah yang digambarkan oleh penulis cerpen "Bilakah Bertemu Kembali"?
- Cerpen ini mempunyai unsur imbas kembali, unsur ketegangan dan kedamaian.
- Seorang anak muda kampung, Roslan telah membuka mata dan telinga penduduk kampung untuk bangkit memperjuangkan hak dan kebebasan mereka.
- Roslan mengatur rancangan untuk mengesan siapa yang menjadi dalang di sebalik kegagalan setiap serangan terhadap Inggeris.

- *Walaupun cerpen ini berunsur patriotik tetapi penulis telah berjaya menyelitkan unsur romantik iaitu percintaan antara Badar dengan Limah.*
- *Tidak dinafikan cerpen tersebut banyak meninggalkan kesan yang mendalam di hati pembaca dan sekali gus menambat hati para juri untuk memilih dan melayakkannya menjadi johan pertandingan itu.*

Calon menggunakan frasa-frasa yang tepat dan menarik, contoh:

- *serangan hendap*
- *... masih berdegil dan sanggup ditindas daripada kehilangan nyawa*
- *... untuk menjadi tali barut*
- *Mungkin rima sedang disoal oleh Mungkar dan Nangkir.*
- *... begitu intim persis sepasang kekasih.*
- *... menerapkan nilai dan pengajaran*
- *.... pembaca dapat menyelami cerita ini*
- *...memerangi penjajah Jepun yang bermaharajalela*
- *... nilai estetika yang tinggi*
- *... menambat hati para juri*

Contoh kosa kata yang menarik:

- *sudut pandangan mata burung*
- *konflik*
- *sudut pandangan orang ketiga terbatas*
- *monolog dalaman*
- *lembayung*
- *senario*
- *mendominasi*
- *peleraian*

Penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa juga adalah meluas dan bersesuaian dengan konteks, contoh:

- *... ayam dikepek mati kelaparan, itik di air mati kehausan*
- *lupa daratan*
- *gelap mata*
- *berbadan dua*
- *biar putih tulang, jangan putih mata*
- *alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan*
- *tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia.*
- *Beraja di mata bersultan di hati.*

Penggunaan gaya bahasa perbandingan juga menarik, contohnya:

- *Personifikasi – angin kencang bagai merobek ulu hatinya, dedaun kelapa melambai-lambai ditiup angin.*
- *Simile - Bakri bagai tersedar dari mimpi apabila dia dipeluk oleh kedua-dua anaknya.*
- *Metafora - laut kehidupan, malam kebanjiran, darah selautan*
- *Hiperbola - kata-kata Bakri bagai curahan panas larva gunung berapi*

6.4 Pengolahan

Pengolahan calon istimewa, sangat menarik dan sungguh berkesan menjadikan pembaca berminat untuk terus membaca ulasan tersebut. Calon berupaya mempamerkan kematangan dengan mengolah isi ulasan cerpen sebagaimana sepatutnya. Pemerenggan yang sesuai dan seimbang menjadikan karangan lebih menarik dan berkesan. Penguasaan dan pengetahuan calon dalam memahami elemen-elemen yang terkandung dalam cerpen mempengaruhi pengolahan dan penyampaiannya. Kemampuan menggunakan laras bahasa yang sesuai dalam mengulas sesebuah cerpen memberi kesan yang baik kepada sesuatu ulasan. Sesuatu kejadian diberikan sebab dan akibatnya yang sesuai, tambah meyakinkan pembaca.

(b) Kelemahan

6.1 Takrif

Calon tidak memahami kehendak soalan dan gagal membuat ulasan tentang sebuah cerpen yang memenangi pertandingan ini. Calon hanya mengemukakan sinopsis cerpen semata-mata. Ada pula yang mengulas cerpen secara umum tanpa mengaitkannya dengan pertandingan dan memenangi pertandingan itu. Terdapat juga calon yang mengulas cerpen bertajuk kebaikan penguasaan Bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik. Hal ini jelas menunjukkan calon telah meneka soalan tersebut akan disoal dalam kertas ini.

Ada calon yang terpesong isi dengan menceritakan tentang hari kemerdekaan negara, sambutan yang diadakan serta aktiviti bulan kemerdekaan seperti kempen Kibar Jalur Gemilang, perarakan sempena kemerdekaan, pertandingan lagu-lagu patriotik dan sebagainya.

Tidak kurang juga calon yang menulis cerpen bagi memasuki pertandingan tersebut, menceritakan pengalamannya menyertai sayembara cerpen dan memberikan manfaat membaca cerpen kepada remaja. Ada pula yang membuat ulasan novel yang telah mereka pelajari. Terdapat juga calon yang tidak mengikut format ulasan iaitu tiada tajuk dan pengulas.

6.2 Isi

Isi yang dikemukakan kurang mantap, atau kurang jelas dan huraianya agak lemah. Terdapat juga isi bercampur aduk dan isi yang sama diulang-ulang sekadar mencukupkan jumlah perkataan. Isi yang diberikan juga tidak mencukupi dan tidak relevan apabila calon tidak memahami kehendak soalan.

Calon hanya mengulas satu aspek sahaja iaitu aspek watak, contoh kisah hidup Tun Mahathir dari lahir sehingga mendapat gelaran Tun. Terdapat juga calon yang mengulas aspek sinopsis sahaja, contoh, mengisahkan dua orang Inggeris iaitu Tuan Roberts dan Tuan William yang telah berjaya menawan Gunung Tahan. Terdapat juga calon menyebut secara umum sahaja ulasan tentang cerpen tersebut. Contohnya;

“saya sekali lagi membuat ulasan tentang cerpen tersebut kerana ia menyentuh semua aspek dan sebagainya kerana puas hati. Apabila saya membaca cerpen tersebut saya dapati ia sungguh padat isinya”.

Calon hanya menyebut secara umum aspek-aspek dalam cerpen tersebut tetapi tiada huraian dan contoh yang diberikan. Terdapat calon yang tidak membuat ulasan mengenai

cerpen yang memenangi tempat pertama tetapi mengulas secara terperinci berkaitan pertandingan yang telah diadakan. Contohnya;

“ pertandingan cerpen dibahagikan kepada 3 kategori, perjalanan majlis tersebut, pegawai-pegawai yang dijemput, acara-acara yang dipertandingkan dan perasmian majlis oleh Ketua Menteri.

Kematangan calon juga amat rendah apabila tidak menyatakan latar belakang pertandingan dan keputusan pertandingan. Keseluruhan isi yang dikemukakan kurang, tidak berkembang dan tiada contoh yang sesuai.

6.3 Bahasa

Kebanyakan calon tidak menguasai bahasa dengan baik. Bahasa yang digunakan tidak memuaskan dan tidak lancar. Calon gagal menguasai laras ulasan cerpen. Calon juga gemar membina ayat-ayat yang terlalu panjang, berbelit-belit dan tidak gramatis. Contohnya;

- *Cerpen di baca saya sungguh manis, wataknya ramai, ada jahat dan hero lelaki mati dulu.*
- *Nilai bertanggungjawab juga berada terdapat pada rakyat di negara kita untuk mendapatkan kemerdekaan.*
- *Cerpen yang ditulis oleh penulis bukan sekadar menulis bahkan memberi peranan, teladan dan pedoman serta tunjuk ajar yang disampaikan melalui tulisan cerpen beliau.*
- *Janganlah kita seakan-akan dipengaruhi oleh pengaruh asing sehingga menghilangkan kebebasan.*
- *Sehinggakan para pembaca lebih menarik untuk meneruskan pembacaan cerpen tersebut.*

Terdapat juga ayat tergantung:

- *watak ada lima*
- *gaya bahasa sangat panjang*
- *Sikap berani seorang perempuan dalam mempertahankan hak.*
- *Kekentalan semangat dalam menghadapi cabaran.*

Struktur ayat yang lemah sehingga sukar difahami. Contoh:

- *Pertanding belum tamat baca cerpen kemerdekaan tempat nombor pertama*
- *Hakim memeriksa cerpen....*
- *Peserta yang menulis cerpen ini semuanya hebat-hebat belaka ini ditentukan oleh para hakim yang menentukan sendiri*
- *Saya tidak ketinggal untuk membaca ...*
- *Hati saya ingin membaca cerpen yang dimenangi dalam pertandingan itu.*
- *Saya mendapati cerpen tersebut penuh dengan maksudnya dan sebagainya.*
- *Tidak terkejut kerana sudah tahu apa, yang akan berlaku kerana semua orang miskin dan tidak ada, cukup makanan untuk makan apa masa itu.*

Kosa kata dan frasa juga salah, contohnya;

- *mencapai keimpiannya*
- *orang kekayaan dan orang yang kemiskinan*
- *menghina oleh datin*
- *Cerpen yang saya telah membaca ialah ...*
- *Cuaca tiba-tiba menjadi teruk*
- *Dia didapati satu sapu tangan yang kepunyaan*
- *Dia bertinggal bersamanya*
- *Penulis harus berkonsep tajuk yang sesuai*

Calon juga cuba menggunakan teknik dialog tetapi tidak memuaskan dan tidak lancar.

- *Daneng, belajar bersungguh-sungguh, cikgu harap awak boleh mencapai cita-cita anda. Cikgu penyakit kancel dan dilawat di London". Pada masa itu, Daneng tidak tahu apa-apa yang dia boleh buat.*

6.4 Pengolahan

Keseluruhannya pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan lemah. Calon tidak berjaya mengulas cerpen dengan lancar. Soalan berunsur sastera memerlukan keupayaan menjawab berdasarkan pengetahuan sedia ada yang tinggi. Sekiranya calon tidak bersedia, pengolahan karangan tidak mantap, sudah pasti penyampaian calon hambar dan tidak menyakinkan.

Aspek kesinambungan isi antara perenggan-perenggan juga tidak berlaku. Pemerenggan pula tidak sesuai. Terdapat calon menulis sehingga sebelas perenggan. Ada pula yang menulis dalam satu perenggan sahaja bagi keseluruhan karangan itu. Ada juga berlaku apabila calon menulis satu ayat yang pendek dan ringkas sahaja untuk perenggan pengenalan. Calon juga tidak menulis langsung perenggan kesimpulan. Ada yang tidak menyusun isi mengikut urutan yang sewajarnya, dimulai dengan pendahuluan, isi (minimum tiga isi) dan diakhiri dengan kesimpulan atau penutup karangan. Kapanjangan perenggan juga tidak seimbang, ada yang menulis sehingga 20 baris satu perenggan, namun perenggan berikutnya 9 baris dan seterusnya 3 baris. Kesimpulannya kalau penguasaan bahasa calon lemah, calon tidak berupaya mengolah isi dengan teratur dan menarik.

Kesalahan Umum

A) Kesalahan Ejaan Dan Tanda Baca

1. Menggugurkan satu daripada huruf "g" apabila awalan "meng" atau "peng" digunakan. Contohnya:

Salah
Mengunakan
pengeli
mengalakan
penguna

Betul
menggunakan
penggeli
menggalkan
pengguna

2. Menggugurkan satu huruf “k” apabila kata dasar yang berakhir dengan huruf “k” dengan apitan yang mengandungi akhiran “kan”. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
meperbanyakkan	memperbanyakkan
memburukkan	memburukkan
kebanyakkan	kebanyakan
keseronokkan	keseronokan
kemasukkan	kemasukan
pembentukan	pembentukan
mencorakkan	mencorakkan

3. Kesalahan ejaan dan kata majmuk. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
matapelajaran	mata pelajaran
kadang-kala	kadang kala
walau bagaimanapun	walau bagaimanapun
dikenalpasti	dikenal pasti
ibubapa	ibu bapa

4. Kesalahan mengeja kata berasal daripada bahasa Inggeris. Contoh:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Difinisi	definasi
Minima	minimum
Negetif	negative

5. Kesalahan mengeja kata pinjaman yang berakhir dengan “-syen” dan “-ism”. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Television	televisyen
vandalism	vandalisme
mekanisma	mekanisme

6. Kesalahan ejaan kata sendi “di” dan “ke” yang sepatutnya dijarakkan. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
disini	di sini
dikalangan	di kalangan
diatas	di atas
dihalaman	di halaman
dikampung	di kampung
dikoperasi	di koperasi
kesana	ke sana
kesungai	ke sungai
kenegeri	ke negeri
kekawasan	ke kawasan
kehadapan	ke hadapan

7. Calon gagal membezakan antara “di” dan “ke” sebagai kata sendi dengan “di” dan “ke” sebagai imbuhan. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Di sambut	disambut
Di berikan	diberikan
Di sebabkan	disebabkan
Disebelah	di sebelah
Dikiri	di kiri
Dibandar	di Bandar
Kerumah	ke rumah
Kelaut	ke laut
Keutara	ke utara
Kemana	ke mana
Kebelakang	ke belakang

8. Kesalahan tidak meletakkan tanda (-). Contoh:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Undang undang	undang-undang
Mentaati suruhanNya	mentaati suruhan-Nya
Ke47	ke-47
Insyallah	insya-Allah

9. Kesalahan mengeja perkataan yang menggunakan imbuhan. Contohnya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
perlancongan	pelancongan
menganggu	mengganggu
kercergasan	kecergasan
berkerja	bekerja

10. Kesalahan-kesalahan ejaan asas, tidak menepati keselarasan vokal, tidak mematuhi hukum-hukum yang telah ditetapkan dalam Sistem Ejaan Baru Malaysia/Indonesia. Antaranya:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Samada	sama ada
Tengahari	tengah hari
Ko-kurikulum	kokurikulum
Surirumah	suri rumah
Akedamik	akademik
Pelusuk	pelosok
Displin	disiplin

11. Kesalahan tidak menggunakan tanda koma (,). Contoh:

<u>Salah</u>	<u>Betul</u>
Dalam hal ini pihak kerajaan	Dalam hal ini,pihak kerajaan
Oleh itu semua pihak	Oleh itu, semua pihak

(B) Tatabahasa

1. Kesalahan penggunaan Kata Ganti Diri

Kesalahan yang kerap dilakukan ialah ketidaktepatan penggunaan kata ganti diri dalam situasi ayat. Contoh ayat:

- **Mereka-mereka** telah menyertai pertandingan memancing
- **Beliau** ditahan kerana mencuri ikan di kolam ikan swasta
- *Di samping itu ianya juga dapat memberi kesabaran kepada pemancing.*

2. Kesalahan penggunaan Kata Bilangan

Kesalahan penggunaan kata bilangan merupakan bentuk yang paling kerap dilakukan dan merangkumi kesemua bentuk kata bilangan. Contoh kesalahan:

- **Tiap** individu mesti berusaha membentuk sahsiah yang baik
- **Para-para** penduduk hendaklah bekerjasama untuk mengawal penyakit berjangkit.
- **Banyak** tempat-tempat memancing telah dibuka
- **Berbagai** faedah kita peroleh
- **Masyarakat-masyarakat** yang berbagai kaum
- **Ramai para-para** pelajar yang menyertai koperasi di sekolah

3. Kesalahan penggunaan Kata Kerja dan kesalahan menggunakan imbuhan:

Kesalahan yang kerap ditemui dalam karangan calon ialah tidak meletakkan imbuhan pada kata kerja atau tidak menggunakan imbuhan dengan tepat pada kata kerja transitif atau kesalahan meletakkan objek tepat pada kata kerja. Contoh kesalahan,

- Remaja selalunya **pancing** ikan pada hujung minggu
- Guru sering **nasihat** muridnya supaya bersahsiah baik
- **Bermancing** juga dapat mengisi masa lapang
- Kedua-dua ibu bapanya **berkorban** dalam peperangan.
- Pelajar dapat **uruskan** dan **latihkan** diri dalam koperasi.

4 Kesalahan pembentukan Kata Adjektif

Kebanyakan skrip jawapan calon mempunyai kesalahan ini. Contoh kesalahan,

- Mereka **sukakan** ikan yang berwarna-warni
- Walaupun berada di negara lain dia tetap **sayangkan** negara ini.

5. Kesalahan penggunaan Kata Ganti

Kata ganti tak tentu merupakan kesalahan yang kerap dilakukan dalam peperiksaan. Contoh kesalahan:

- Pemancing boleh memancing **bila** sahaja mereka suka
- Ibu bapa perlu sekali-sekala membawa anak mereka **ke mana** pun pada waktu cuti hujung minggu.

6 Kesalahan penggunaan Kata Sendi dan Kata Hubung

Kesalahan yang sering dikesan ialah kesalahan penggunaan kata sendi dan kata hubung yang tidak tepat dengan maksud atau kehendak ayat. Contoh kesalahan,

- Apabila pulang **daripada** luar negara remaja cuba mengamalkan budaya baru
- Penduduk tempatan diminta agar menjaga kebersihan **daripada** semasa ke semasa

- Tetapi keadaan mula berubah apabila.....
- Kerana perkara yang menyebabkan
- Disebabkan penyakit ini semakin berleluasa.....
- Penduduk sekitar taman itu kesal **ke atas** kerja-kerja JKR
- Wabak penyakit taun akan menular **pada** penduduk sekitar.

7. Kesalahan penggunaan Kata yang Tidak Tepat dengan Maksud Ayat

Kesalahan yang kerap dilakukan ialah penggunaan kata yang tidak tepat dalam ayat terutamanya pada kata kerja dan kata adjektif yang hampir sama maksudnya. Contoh kesalahan,

- Ada kaki pancing **menangis** *terbahak-bahak* kerana gembira mendapat hadiah yang lumayan
- Mereka gemar memilih tempat memancing di kawasan *pendalaman* yang dipercayai masih banyak ikan

8 Kesalahan penggunaan Penjodoh Bilangan

Kerap kali kesalahan yang dilakukan ialah meletakkan penjodoh bilangan pada kata nama abstrak ataupun pada kata bilangan tak tentu. Contoh kesalahan,

- Setiap orang mempunyai *sebuah* hobi yang tersendiri
- Penyakit itu telah merebak *ke seluruh buah kampung itu*.
- *Setiap seseorang individu* hendaklah berusaha menjadi orang baik.

9. Kesalahan penggunaan imbuhan

Kesalahan yang kerap dilakukan ialah penggunaan imbuhan yang tidak tepat dengan maksud ayat atau menyalahi hukum pembentukan imbuhan. Contoh kesalahan,

- Pemancing akan *memperolehi* ikan yang banyak
- Penggemar hobi memancing *menemui* mayat itu di tepi sungai.

10 Penggunaan kata yang berlebih-lebihan (lewah).

Contoh kesalahan,

- Tetapi hakikatnya jika kita tidak **saling ingat mengingati**, maksiat akan pasti berleluasa.
- Jadi penting bagi setiap keluarga untuk **saling hormat-menghormati**.

11 Kesalahan penggunaan kata pemerli:

Contoh kesalahan,

- Penyakit yang dikenal pasti di Taman Tiara **adalah** penyakit demam denggi.
- Koperasi sekolah **adalah** suatu pertubuhan
- Ikan **adalah** salah satu sumber protein.

(C) Kesalahan Struktur Ayat

Selain kesalahan penggunaan kata, calon juga banyak melakukan kesalahan menggunakan frasa dan struktur ayat. Contoh kesalahan,

- Ini adalah supaya kita...
- Ikan yang dipancing, boleh disimpan sebagai peliharaan ataupun di masak.
- Ini akan menggalakkan serangga.
- Ini juga dapat membawa bau yang kurang menyenangkan.
- Contohnya penyalahgunaan dadah (ayat tergantung)
- Di antara faedah-faedah...

- Bak kata pepatah “Guru kencing berdiri, murid kencing berlari” (ayat tergantung)
- Awak boleh ambil ikan balik rumah makan
- Ramai di kalangan rakyat.....
- Mengajar anak-anak bagaimana hendak memancing ikan supaya sifat sabar mereka dapat dipupuk sejak kecil. (ayat tergantung)
- Malahan ianya semakin popular pada masa ini
- Biasanya setiap orang perlu mengeluarkan masa mereka dalam hobi-hobi yang bersifat positif untuk tenangkan hati mereka daripada tekanan yang besar itu.
- Di dalam longkang dan lain-lain lagi...
- ...bermain games...
- Pelbagai-bagai jenis ikan...
- Oleh itu, ia adalah penting untuk...
- Di sesi sekolah...
- Mereka merungut dan pelbagai lagi...
- Justeru itu,...
- Pergaulan di antara rakan-rakan...

SARANAN KEPADA CALON

1. Para pelajar perlu memperkemas pengetahuan mereka tentang pelbagai isu di sekeliling mereka serta bijak mengaitkannya dengan isu-isu yang diutarakan dalam soalan peperiksaan. Kelemahan yang amat nyata dalam jawapan calon ialah kebanyakan jawapan dihuraikan secara umum sahaja. Justeru, calon mestilah rajin membaca majalah, akhbar, jurnal dan bahan bacaan ilmiah lain yang ada di pasaran dan di perpustakaan.
2. Kebanyakan calon yang bahasa Melayunya merupakan bahasa ibunda, jelas terpengaruh dengan bahasa pertuturan menyebabkan huraian isi kelihatan longgar dan kurang padat. Calon perlu mempertingkatkan kemahiran berbahasa dengan memperbanyak pembacaan contoh karangan bermutu.
3. Bagi calon bukan Melayu, kebanyakannya perlu meningkatkan kemahiran berbahasa bagi mengelakkan pengaruh bahasa pasar dalam penulisan karangan. Contoh “lajin” (rajin), “bing-bong” (ping-pong), “tengga” (tangga), “pumpung” (bumbung). Pelajar mesti memastikan diri mereka sentiasa berada dalam persekitaran berbahasa Melayu dengan bergaul rapat dengan rakan-rakan Melayu dan mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu sama ada dalam pertuturan mahupun tulisan.
4. Pelajar perlu menguasai asas-asas penulisan karangan seperti pemilihan tajuk yang sesuai dan paling diyakini, memahami kehendak dan takrif soalan agar jawapan tidak terpesong atau lari daripada keperluannya, membuat rangka karangan terlebih dahulu agar huraian bagi tiap-tiap isi tidak berlegar dalam perkara yang sama atau berlakunya pengulangan isi.
5. Calon tidak seharusnya sembarangan memasukkan unsur-unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan semata-mata untuk “mengindahkan karangan” sekiranya unsur-unsur itu tidak berkaitan dengan isi yang dibincangkan. Keadaan ini hanya akan mencacatkan karangan calon.

6. Calon digalakkan menonton dan mendengar perbincangan atau berita yang disiarkan melalui media elektronik. Hal ini membolehkan calon mengikuti isu-isu semasa dan dapat melahirkan idea-idea yang bernas dan matang. Apabila menghuraikan sesuatu peristiwa, kukuhkan huraian dengan contoh-contoh yang relevan.
7. Sebaik-baiknya calon menulis pandangan tokoh-tokoh ilmunan, negarawan, budayawan, saintis dan lain-lain lagi bagi memantapkan isi karangan yang hendak disampaikan (jika berkaitan).
8. Calon hendaklah sentiasa membuat latihan tatabahasa dan mencuba menggunakan frasa kata atau kosa kata yang menarik dalam ayat. Calon juga hendaklah selalu berlatih sendiri menulis karangan dan minta bantuan guru untuk menyemaknya, selain membuat karangan yang disuruh oleh guru. Dengan ini diharapkan calon dapat menguasai teknik mengarang pelbagai format dengan betul dan kemahiran berbahasa calon akan semakin mantap.
9. Calon mesti rajin merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata. Elakkan mengguna perkataan atau istilah yang “bombastik” yang jarang digunakan.
10. Sebelum menjawab sesuatu soalan, calon dinasihatkan membaca semua soalan dengan teliti, kemudian barulah memilih satu soalan yang hendak dijawab. Soalan yang dipilih hendaklah dianalisis kehendak soalnya, buat rangka karangannya barulah mula mengarang.
11. Rancang masa dengan betul dan patuhi masa yang telah ditetapkan dengan memperuntukkan masa untuk menyemak, sebelum kertas jawapan diserahkan kepada pengawas peperiksaan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Bahasa berkait rapat dengan kemahiran. Oleh sebab kemahiran tidak akan diperoleh dalam masa yang singkat, maka guru-guru perlu memberi penekanan terhadap kecekapan berbahasa khususnya kemahiran penulisan karangan semenjak pelajar di peringkat menengah rendah lagi.
2. Menekankan kepentingan mengambil tahu perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka khususnya isu-isu yang menjadi perbincangan hangat serta menggalakkan pelajar mencatat atau menyimpan keratan akhbar tentang perkara-perkara penting yang berkaitan. Bahan-bahan ini perlulah dijadikan sumber rujukan setiap kali calon membuat latihan penulisan karangan.
3. Memberikan penekanan terhadap aspek pembinaan ayat yang gramatis serta kosa kata yang pelbagai. Kebanyakan pelajar gagal menyampaikan idea secara berkesan kerana struktur ayat yang masih lemah dan dipengaruhi struktur bahasa pertuturan yang tidak gramatis.
4. Kemahiran menganalisis soalan perlu dipertingkatkan di kalangan pelajar. Guru-guru perlu melihat aspek ini secara lebih menyeluruh agar pelajar dapat menghasilkan karangan yang lebih mantap dan menepati kehendak soalan.

5. Latihan menulis karangan mesti diberi secukupnya dan perlu dirancang secara sistematik supaya pelajar menguasai teknik penulisan pelbagai format karangan dengan betul. Kelemahan pelajar mesti dikenalpasti lebih awal agar mereka dapat dibantu mengatasi kelemahan tersebut.
6. Setiap latihan pelajar mesti disemak dengan teliti dan sistematik. Pelajar dimestikan membuat pembetulan supaya mereka belajar daripada kesilapan dan dapat meminimumkan kesalahan.
7. Guru mestilah sentiasa mengemaskini pengetahuan berkaitan isu semasa, menguasai aspek kebahasaan sekali gus menguasai skema pemarkahan yang terkini agar pengajaran guru lebih berfokus.
8. Guru mestilah mengetahui potensi pelajar yang dibimbingnya agar pelajar dapat dibimbing dan digalakkan menjawab soalan mengikut potensi mereka. Contohnya jika pelajar itu mahir berpidato dan menguasai laras dan format pidato, galakkan pelajar tersebut menjawab soalan yang memerlukan format pidato seperti menulis syarahan, perbahasan, ucapan dan sebagainya.
9. Guru perlulah mempelbagaikan teknik pengajaran agar pelajar tidak merasa bosan, malah terangsang untuk mengikuti pengajarannya setiap masa.
10. Guru sendiri perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk merangsang pelajar-pelajarnya menghasilkan karangan yang berkualiti.